



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3641]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3676]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan)  
[Ruangan 3676]

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 3698]

USUL:

Akta Acara Kewangan, 1957—

Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri [Ruangan 3722]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SERI SHARIF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).**
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).

Yang Berhormat DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb Oktober, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SKIM PINJAMAN BUKU-BUKU  
TEKS

1. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa peratus buku-buku teks yang diberi pinjam kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah, yang dianggap musnah pada tiap-tiap tahun dan berapa peratus yang sebenarnya musnah pada tahun 1977, 1978, 1979 dan 1980.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, peratus kerosakan buku-buku teks Skim Pinjaman yang diberikan kepada murid-murid adalah dianggarkan sebanyak 25% pada tiap-tiap tahun bagi semua sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Sementara bagi semua sekolah menengah peratus kerosakan adalah dianggarkan sebanyak 20% sahaja.

Peratus kerosakan yang tepat yang sebenarnya berlaku kepada semua sekolah-sekolah tidak diperolehi oleh Kementerian Pelajaran sehingga hari ini tetapi didapati tidak jauh dari apa yang dianggarkan apabila lawatan-lawatan dan penyiasatan-penyiasatan dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah

atau tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk menentukan bahawa Skim Pinjaman Buku-buku Teks ini tidak disalahgunakan oleh orang yang berada oleh sebab saya ada kes-kes yang saya terima aduan-aduan berkenaan dengan hal ini dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan atas hal ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil atau yang dapat dikawal untuk projek ini supaya tidak akan dapat disalahgunakan oleh pihak-pihak yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, semenjak awal dahulu bila kita menubuhkan atau mengadakan rancangan ini kita sudah ada mengambil langkah-langkah. Oleh sebab itulah melalui langkah-langkah ini yang mana mesti boleh dapat disemak dan diperiksa dengan teliti oleh pihak Guru-guru Besar daripada sekolah, kemudian dapatlah disampaikan kepada Kementerian di Bahagian Biro Buku Teks untuk kita memesan buku-buku yang dikehendaki itu. Langkah-langkah yang kita lakukan boleh dikatakan sudahlah mencukupi untuk mengawal. Jikalau ada butir-butir seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi barangkali kalau ada disampaikan kepada kita, tentulah kita akan mengambil tindakan menyiasat supaya masalah ini dapat diatasi.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apakah buku-buku yang telah musnah itu disebabkan oleh kerana pengawasan terhadap buku-buku itu atau kerana mutu kertas buku-buku teks itu tidak begitu baik.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buku-buku ini ialah

digunakan oleh murid-murid sekolah, jadi kita sebagai ibubapa kita tahulah anak-anak atau murid-murid bila menggunakan buku itu ada macam-macam. Barangkali dari segi meletak buku dan menggunakan buku dan ada kemungkinan juga sebahagian ibubapa tidak menasihatkan supaya buku-buku itu kena dibungkus dengan kulit yang tebal supaya buku itu boleh diguna lama. Tetapi dari segi kualiti buku itu bolehlah saya bagi pihak Kementerian memberi jaminan di sini iaitu kualiti yang "best" sekali kita akan gunakan untuk mencantikkan buku-buku itu.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada Kementerian bercadang supaya rancangan pinjaman ini digantikan dengan rancangan pemberian secara langsung oleh kerana terdapat buku-buku yang telah digunakan itu dikotorkan atau ditulis dengan tulisan-tulisan dan murid-murid yang menerima buku-buku itu tidak berminat untuk menggunakannya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan di sini iaitu dari mulanya bila kita mengadakan skim pinjaman buku teks ini satu tujuan yang besar sekali ialah untuk membantu murid-murid yang miskin atau ibubapa yang miskin untuk mengurangkan bebanan mereka untuk menanggung pelajaran atau perbelanjaan pelajaran kepada anak-anak. Jadi, kalau kita menukarkan cara ini cuma dengan membelikan buku-buku tentulah ini sudah menjadi luar daripada landasan dan tujuan kita yang mula-mula. Barangkali dari awal lagi ada sedikit langkah untuk mengawal buku-buku itu terdapat sedikit kekeliruan tetapi masalah itu kita telahpun mengatasinya dan kita juga telah menetapkan supaya buku-buku untuk rancangan pinjaman buku-buku teks ini cuma dapat digunakan lebih tiga atau empat tahun dan tindakan menggantikan dengan buku-buku yang baru diambil. Semenjak kita melaksanakan projek ini sudah terdapat kesan-kesan yang menggalakkan daripada ibubapa khususnya ibubapa yang miskin dan kita akan teruskan rancangan ini hingga ke satu peringkat di mana majoriti ibubapa mereka tidak mahu lagi masa itulah barangkali kita boleh menimbangkannya.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Sekiranya buku-buku ini tidak boleh diberi dengan percuma secara langsung, bolehkah Kementerian Pelajaran membekalkan kertas bagi membalut kulit buku semoga buku ini tidak rosak kulitnya?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi kalau hendak jawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soalan ini tadi dan saya mengatakan kita berharap ibubapa sekalian boleh menolong sedikitlah (*Ketawa*).

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya Kerajaan masih akan meneruskan rancangan ini. Saya ingin bertanya daripada Kementerian berkenaan yang 20% itu adalah peratus yang tinggi dari segi kemusnahan buku-buku. Apakah langkah-langkah Kementerian supaya peratus kerosakan itu boleh dikurangkan daripada 20%?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini cuma barangkali dikatakan satu perkara pengajaran "civic consciousness". Jadi ini saya fikir kita semua kena sama-sama menanggungkan.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa murid-murid sekolah menengah pada masa ini yang hendak menggunakan buku teks ini masih lagi memerlukan mereka mengisi borang permohonan untuk meminjamnya dan adakah rancangan Kementerian ini hendak menyediakan buku teks keseluruhan murid-murid sekolah menengah supaya apabila mereka masuk ke sekolah menengah terus sahaja diberi pinjaman seperti murid-murid sekolah rendah pada hari ini?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat sekolah menengah seperti apa yang telah saya jelaskan tadi tujuan asalnya untuk kita membantu mengadakan pinjaman buku teks ini ialah menolong kepada murid-murid yang keluarganya miskin. Oleh kerana buku ini

kena disimpan dan juga digunakan dua, tiga tahun, jadi tentulah barangkali dalam masa cuti sekolah buku inipun dapat disimpan di dalam sekolah, tidak dapat dibawa balik ke rumah. Ini disebabkan ada juga sebahagian ibubapa yang mampu membeli buku-buku terus untuk kepunyaan sendiri. Jadi kalau dikatakan semua kita beri barangkali ada sebahagian ibubapa yang mampu mereka itu tidak berkehendakkan buku itu. Oleh kerana ada syarat-syarat dan sebagainya, jadi kita amalkan satu polisi yang liberal supaya siapa yang berkehendakkan buku itu buatlah permohonan dan kita akan timbangkan dengan sewajarnya. Ini prinsipnya.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telahpun dibelanjakan oleh pihak Kerajaan bagi projek pinjaman ini pada tahun 1977 dan kalau boleh pada tahun 1980.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang terperinci di sini tetapi kalau tidak silap saya semenjak rancangan ini dilaksanakan setakat hari ini 7 tahun, hampir \$120 juta telah dibelanjakan dan kita juga akan dapat menambahkan jumlah buku-buku ini sepertimana yang telah saya katakan tadi sekolah rendah 25% tiap-tiap tahun dan sekolah menengah 20% tiap-tiap tahun untuk membekalkan buku baru supaya dapat menggantikan buku yang rosak itu.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tentang anak-anak orang yang mampu. Jadi, saya ingin bertanya beliau adakah pihak Kementerian Pelajaran telah membuat satu penyiasatan bahawa di kalangan anak-anak orang-orang yang mampu itu kerana dia membeli buku teks di sekolah-sekolah. Apakah telah dikaji bahawa mereka menjadi golongan yang merasa begitu "superior" di sekolah kerana dia membeli atau kerana dia merasai "inferior" kerana dia dilahirkan di kalangan anak orang yang mampu tetapi tidak dapat peluang meminjam buku-buku yang diuntukkan oleh Kerajaan?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal. Kalau Yang Berhormat hendak jawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak.

## KELAS TINGKATAN ENAM DI SABAH

**2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperluaskan kelas-kelas dan tempat-tempat untuk Tingkatan Enam di Sabah oleh kerana terhadnya kelas-kelas memandangkan bertambahnya bilangan penuntut-penuntut yang memperolehi keputusan yang baik di dalam peperiksaan MCE dan SPM dan hanya sebilangan penuntut-penuntut sahaja yang dapat ditawarkan tempat. Jika ya, bila.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah membuka 4 kelas Tingkatan Enam Rendah Sains untuk 105 murid dan 6 kelas Tingkatan Enam Rendah Sastra untuk 183 murid di negeri Sabah dan akan membuka lagi kelas-kelas Tingkatan Enam Rendah pada masa-masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, pembukaan kelas-kelas baru bergantunglah kepada bilangan minima murid-murid iaitu 25 orang yang memenuhi syarat-syarat memasuki Tingkatan Enam Rendah di sesuatu kawasan atau daerah dan juga kelengkapan-kelengkapan yang mencukupi seperti makmal sains, alat radas sains dan guru siswazah yang terlatih.

## PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH

**3. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang baru diambil untuk mengatasi masalah bangunan-bangunan sekolah yang tidak disiapkan dan ditinggalkan oleh pemborong-pemborong. Nyatakan juga peratus kemajuan pembinaan sekolah-sekolah dan asrama-asrama dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan sama ada Kerajaan bercadang mengambil seorang perunding yang akan bertanggungjawab terus kepada Kementerian Pelajaran dalam usaha supaya semua

bangunan-bangunan sekolah dan asrama dapat disiapkan mengikut jadual dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha melaksanakan projek-projek pembangunan sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran memang mengalami masalah-masalah pemborong yang gagal untuk menyiapkan projek-projek yang telah ditawarkan kepada mereka-mereka. Pemborong-pemborong yang telah tidak dapat mematuhi kontrak-kontrak mereka adalah diberhentikan setelah diberi peluang-peluang yang mencukupi. Projek-projek ini kemudian ditawarkan kepada pemborong-pemborong lain yang adalah menjadi dasar Kerajaan supaya pemborong-pemborong yang tidak berkebolehan tidak diberi peluang sekali lagi.

Peratusan kemajuan pembinaan bagi sekolah-sekolah dan asrama-asrama dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

<i>Keseluruhan Pelajaran Rendah dan Menengah</i>	
	<i>Projek</i>
<i>Projek Dirancang</i>	3,552
Siap .. .. .	1,657
Peratusan .. .. .	47
<i>Sekolah</i>	
Dalam pembinaan .. .. .	1,003
Peratusan .. .. .	28
Peringkat Perancangan dan Tender ..	894
Peratusan .. .. .	25
<i>Asrama</i>	
Projek yang diluluskan .. .. .	122
Siap .. .. .	21
Peratusan .. .. .	17
Dalam pembinaan .. .. .	41
Peratusan .. .. .	34
Peringkat Perancangan dan tender ..	60
Peratusan .. .. .	49

Untuk memastikan bahawa semua projek-projek sekolah dapat disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kementerian Pelajaran adalah menggunakan perunding-perunding swasta untuk membantu dalam usaha pelaksanaan ini. Di samping itu, bahan-bahan pasang siap (prefab) juga akan

digunakan untuk mempercepatkan lagi proses pembinaan. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga sekarang ini sedang dalam usaha untuk mengagihkan projek-projek dalam kawasan perbadanan pembangunan wilayah kepada perbadanan tersebut supaya dilaksanakan terus oleh mereka. Ini juga dijangka akan dapat mempercepatkan pelaksanaannya.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa salah satu sebab besar yang penting sekali kenapa prestasi pelaksanaan projek ini begitu buruk adalah oleh sebab banyak kerja-kerja pengawasan dan sebagainya diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sedangkan kita tahu JKR tidak mempunyai kemampuan dari segi kakitangan dan sebagainya untuk menolong dalam perkara ini. Jadi, adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang supaya mengeluarkan kerja-kerja itu daripada pengawasan JKR dan diserahkan kepada pihak perunding dan juga diserahkan kepada pihak pemborong secara package demi menjamin supaya ia dapat dilaksanakan sehingga selesai.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi oleh kerana jika kita sudah membangun dengan begitu pesat sudah tentulah JKR sebagai satu agensi Kerajaan menghadapi bebanan dengan kerja-kerja yang banyak. Oleh sebab itulah kita selepas berunding dengan pihak JKR dan mereka bersetuju dengan kita supaya kita mengadakan perundingan swasta dan memberikan kerja secara "package deal" dan juga dengan menggunakan prefab yang satu masa dahulu JKR pun mula-mula tidak berapa bersetuju dengan cara ini, tetapi sekarang mereka sudah bersetuju. Jadi dengan langkah yang kita ambil ini kita berharap kelambatan ini dapat disegerakan untuk pelaksanaan projek berkenaan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa keadaan pembinaan sekolah dan asrama yang belum siap atau masih gagal

terbiar itu amat mencemarkan nama baik Kerajaan Barisan Nasional dengan sendirinya mengatakan bahawa kita tidak cekap dan kita lebih menolong dan bersimpati kepada golongan kontrektor dan sebagainya dengan mengorbankan kepentingan anak-anak kita?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jadi soalan tambahannya apa dia? (*Ketawa*).

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Soalan saya adakah Timbalan Menteri itu sedar, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja sedar tetapi saya sangat bersimpati dengan pihak-pihak tersebut tetapi inilah masalah dalam sebuah negara yang membangun macam Malaysia yang kita semua kasihi yang mana pihak Kerajaan telah sedaya upaya cuba untuk menjayakan semua rancangan yang mana kita perlu dan boleh jayakan dengan mengikut jadal. Tetapi oleh kerana masalah pembangunan yang pesat, tentulah ada berbagai "side effect" yang kita mesti terima hakikat itu. Dengan sebab itu barangkali kadangkala keadaan itu di luar jangkaan kita sebagai manusia. Jadi itulah "we have to bear with it" (*Ketawa*).

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar banyak terdapat bangunan sekolah, asrama dan bilik kebal terbungkalai pembinaannya sehingga 3—4 tahun. Jadi soalan saya dapatkah beliau memberi jaminan kepada saya di dalam tahun hadapan (1982) Kementerian Pelajaran dapat menyemak dan melaksanakan projek-projek yang terbungkalai itu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar perkara ini dan telah membincangkan khasnya baru-baru ini di bawah pemimpin baru negara kita yang mana kecekapan, kelicinan, kebersihan dan juga berjiwa rakyat Kerajaan kita, kita sudah mengkaji semula projek yang dikatakan terbungkalai dan sebagainya. Kita akan ambil tindakan segera supaya projek itu dapat dinilai semula sekali yang mana ada terdapat kelemahan ataupun tidak dapat dibina atau ada halangan dan sebagainya kita akan bereskan semua sekali supaya projek itu

dapat satu cara pendekatan (approach) yang baru supaya projek itu dapat dijayakan.

#### SURAT SEGERA—KELEWATAN PENGHANTARAN

**4. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimana surat segera (express mails) dihantar dan sama ada beliau sedar kadangkala surat-surat segera sampai destinasiya lebih lewat daripada surat-surat biasa.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Pos ada menyediakan dua cara perkhidmatan segera pada masa ini iaitu Perkhidmatan Penyerahan Segera dan Perkhidmatan Segera Sepanjang Jalan, seperti yang diterangkan di bawah ini:

##### *Perkhidmatan Penyerahan Segera*

Perkhidmatan ini telah berjalan beberapa tahun. Ianya terhad kepada surat-surat yang dialamatkan kepada kawasan penyerahan posmen di bandar-bandar besar seperti dinyatakan di dalam Buku Panduan Pejabat Pos. Di bawah perkhidmatan ini, surat segera ini akan dihantar bersamasama mel biasa sehingga ianya tiba di pejabat yang dituju, dan hanya dari sini sahaja surat segera ini mendapat layanan segera.

##### *Perkhidmatan Segera Sepanjang Jalan*

Perkhidmatan ini bermula diperkenalkan pada 1hb Ogos, 1978 di Kuala Lumpur dan di bahagian Pelabuhan Kelang dan seterusnya diluaskan ke seluruh Ibu-ibu negeri dan beberapa bandar utama di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Di bawah perkhidmatan ini surat-surat ekspres yang diserahkan di Pejabat Pos dan dihantar dengan kenderaan yang terawal sekali ke Jabatan dan tempatuju dan akan diserahkan oleh posmen penghantar khas sebaik-baik sahaja diterima. Adalah menjadi satu rancangan Jabatan Pos untuk menjadikan semua perkhidmatan ekspres biasa ke perkhidmatan segera sepanjang jalan.

Bagi mel-mel biasa, penyerahannya adalah mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan. Bagi surat-surat ekspres pula ia dibawa keluar untuk penyerahan pada sepanjang masa pejabat dibuka. Surat-surat ekspres yang tiba di Pejabat-pejabat Pos akan diserahkan dengan segera sebaik sahaja diterima. Kejadian-kejadian yang mana surat ekspres diserahkan lewat dari surat biasa adalah sangat kecil bilangannya dan ia adalah disebabkan kerosakan motosikal yang digunakan oleh posmen yang membuat serahan dan lain-lain sebab yang tidak dapat dielakkan. Jika terdapat kejadian seumpama ini di mana surat-surat ekspres diserahkan lewat dari surat-surat biasa pihak yang terlibat dinasihatkan supaya membawa ke perhatian pihak Pos supaya penyiasatan dapat dijalankan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini berapa hari surat daripada Petaling Jaya dapat disampaikan ke Kuala Lumpur, sebab ada mel-mel dipos dari Petaling Jaya satu minggu baru sampai ke Kuala Lumpur.

Pada masa dahulu saya mendapat tahu ada juga posmen yang berjalan kaki tetapi sekarang semuanya ada motosikal tetapi saya nampak administration itu tidak ada bergerak, oleh sebab itu juga soal atas . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan V. David:** Soalnya saya mahu tahu, fasal apa perkhidmatan pos sudah rosak, mengapa?

Kedua, berapa hari surat daripada Petaling Jaya dapat disampaikan di Kuala Lumpur.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya sehari sahaja, tetapi kalaulah Yang Berhormat dapat memberikan bukti-bukti yang tertentu, pihak Kementerian akan menyiasat.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada benar atau tidak Kementerian yang berkenaan tidak mempunyai kenderaan sendiri atau persendirian dan Kementerian harus

bergantung atas kenderaan-kenderaan seperti keretapi misalnya untuk mengangkut atau menghantar surat-surat ini. Jadi adakah Kementerian yang berkenaan bercadang supaya mengadakan sistem pengangkutan sendiri?

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, payahlah bagi Jabatan Pos untuk memiliki sebuah keretapi, akan tetapi Jabatan Pos sentiasa berkembang terutama sekali dalam rangkaian perkhidmatannya dan satu daripadanya ialah bagi menambahkan kenderaan-kenderaan yang sedia ada.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat peruntukan sebanyak \$8.3 juta telah diperuntukkan untuk menambahkan lagi kenderaan-kenderaan yang sedia ada.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bagaimana masalah yang dihadapi untuk memberi layanan surat-surat kepada orang ramai. Saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh sebab pada masa ini keadaan perumahan, perkampungan dan sebagainya telah bertambah dan kawasan untuk seseorang posmen itu seperti itu juga yang menyebabkan surat-surat ini lewat kerana pertambahan rumah-rumah dan pertambahan penduduk di satu-satu kawasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya dikaji semula kawasan-kawasan untuk seseorang posmen supaya ditambah lagi posmen-posmen yang ada pada masa sekarang.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah satu daripada kajian-kajian yang diadakan dari masa ke semasa dan apabila sesuatu kawasan perumahan itu telah siap, pihak-pihak yang tertentu memberi nombor rumah itu dan kalaulah pertambahan rumah-rumah di satu tempat itu memerlukan lagi kakitangan, Jabatan Pos kita sentiasa akan mempertimbangkan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar masih banyak terdapat Pejabat Pos menghantar surat-surat kepada wakil-wakil posnya melalui bas. Jadi tidak hairanlah salah

satu daripada faktor mengapa lambat surat itu sampai, maklumlah surat itu diserahkan kepada driver bas, kadang-kadang sudah sampai di sana, balik semula, petang baru diserahkan. Kalau sedar, adakah perkara ini akan diambil tindakan supaya tidak lagi diserahkan kepada driver bas, tetapi biar posmen sendiri yang menghantar kepada wakil pos.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar dan inilah seperti yang saya katakan tadi Jabatan Perkhidmatan Pos dalam Rancangan Malaysia Keempat ini akan menambahkan lagi kenderaan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan ini. Tetapi kadang-kadang kita mesti juga kaji dari segi ekonomi, kerana kadang-kadang hanya sedikit sahaja surat yang dihantar dan ini melibatkan satu kenderaan dan beberapa kakitangan yang melaksanakannya.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi nampaknya express service ataupun hantaran segera ini hanya dapat dinikmati oleh bandar-bandar besar semata-mata. Bilakah agaknya kawasan pendalaman iaitu yang mana perlu kepada perkhidmatan cepat supaya perkhidmatan Post Office ini diadakan di kampung-kampung, bilakah agaknya; kita tidak mahu express tetapi hantar cepat sahaja.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi, kita memang mempunyai rancangan untuk menjadikan semua perkhidmatan express biasa kepada perkhidmatan segera sepanjang jalan. Ini bergantung kepada cepatnya perkembangan kita bagi memperbaiki kenderaan-kenderaan ataupun menambah kenderaan-kenderaan yang sedia ada dan juga perkembangan kenderaan kita ke luar bandar. Tidakkah dapat saya merampatkan tarikh ataupun tahun bila kita tidak dapat mempertimbangkan di situ, tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita sentiasa mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kekurangan posmen ataupun kajian belum dibuat lagi maka terdapatlah kenderaan-kenderaan sama

ada yang dipakai oleh posmen atau pos bergerak, van-van dan motosikal-motosikal ini uzur dan banyak terdapat di bengkel-bengkel atau workshop. Jadi soalnya berapa lamakah sebuah kenderaan itu digunakan baru diganti lain atau diganti baru.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, ini susah kita hendak menetapkan kerana ada di separuh-separuh tempat di mana keadaan jalanraya itu sangat buruk dan kenderaan itu mempunyai usia yang 2—3 tahun, tetapi ada pula di tempat-tempat yang jalanrayanya baik, worksyopnya baik, kita dapat menggunakan kenderaan itu lebih lama lagi daripada yang sepatutnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ada rancangan untuk menambah kakitangan pos di negara kita. Di sini suka saya bertanya sama ada beliau sedar bahawa banyak estet-estet perumahan, misalnya di Wilayah Persekutuan tidak ada Pejabat Pos Kecil. Adakah Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan di tiap-tiap estet dan perumahan yang besar dengan mengadakan satu Pejabat Pos yang kecil.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita berhajat membina Pejabat-pejabat Pos di mana-mana tempat yang mempunyai banyak bilangan surat-surat itu akan dihantar. Bagi kawasan luarbandar, kita bermula dengan wakil-wakil pos dan apabila bilangan surat-surat yang di bawah tanggungan wakil-wakil pos ini bertambah, kita akan mengkaji dan membuat rancangan untuk membina satu Pejabat Pos dan di Wilayah Persekutuan ini, saya tidak ada angka atau bilangan Pejabat Pos yang baru yang akan diadakan pada ketika ini tetapi kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh beri.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang supaya menasihatkan rakyat kita jangan menghantar surat secara segera di kawasan-kawasan yang tidak dapat menikmati perkhidmatan yang sebenarnya, oleh kerana seorang harus membayar \$1.50 untuk menghantar satu surat segera, tetapi orang itu tidak dapat menikmati perkhidmatan yang dikehendaki.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Ini saya akan ambil perhatian.

### MAS DI SINGAPURA—KADAR PERTUKARAN WANG

**5. Datuk Leonard Linggi anak Jugah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa MAS di Singapura mengenakan kadar pertukaran wang yang sangat tidak berpatutan rendahnya iaitu satu ringgit Malaysia dengan 85 sen Singapura, berbanding dengan 91.4 sen di bank-bank dan kedai-kedai di Lapanganterbang Singapura dengan kadar 88 sen; jika ya, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar pertukaran mata wang asing adalah tidak tetap dan bertukar pada setiap hari dan kadar pertukaran itu bergantung kepada kadar pertukaran yang ditetapkan oleh bank-bank. Oleh kerana kadar pertukaran yang tidak tetap ini, syarikat-syarikat penerbangan menggunakan kadar yang rendah sedikit daripada kadar pertukaran purata bulanan atau kadar purata satu-satu masa yang ditetapkan untuk mengelakkan kerugian disebabkan pertukaran matawang asing.

Sebagaimana yang biasanya diamalkan oleh syarikat-syarikat penerbangan yang lain, MAS di Singapura juga menggunakan cara pertukaran yang serupa. Oleh itu kadar pertukaran yang dikenakan adalah berbeza daripada kadar pertukaran harian atau yang terdapat di kedai-kedai di Lapanganterbang Singapura.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengkaji semula perkara ini. Mulai dari sekarang MAS akan mengenakan kadar pertukaran yang serupa dengan kadar yang ditentukan oleh bank-bank yang digunakan oleh MAS demi kepentingan penumpang-penumpang, lebih-lebih lagi rakyat Malaysia yang menggunakan matawang Malaysia untuk membeli tiket di Pejabat Penempahan MAS di Singapura.

### KEDAI BEBAS CUKAI— KEHILANGAN HASIL

**6. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sedar yang Kerajaan mengalami kerugian lebih dari \$5 juta setiap bulan kerana ujudnya kegiatan menyeludup barang-barang dari kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis oleh para pelancong yang diupah khas oleh satu sindiket yang menyeludupkannya ke tanah besar Malaysia. Bagaimana caranya Kerajaan boleh mengurangkan kegiatan tersebut oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, dan adakah Kerajaan bercadang hendak adakan kedai-kedai jenis ini di lapanganterbang atau pelabuhan kapal sahaja.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang kehilangan hasil yang berlaku akibat dari penubuhan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang. Ini adalah disebabkan bahawa setengah pelancong-pelancong yang membeli barang-barang bebas cukai tidak mematuhi syarat yang berkehendakkan mereka mengesahkan kepada pihak Kastam tentang pengeksportan barang-barang tersebut dari negara ini. Di sebaliknya barang-barang itu adalah dijual oleh mereka di pasaran tempatan, ataupun diseludup masuk ke Thailand supaya pembayaran duti atasnya di negara itu dapat dielak. Satu sindiket memang disyaki terlibat dalam kegiatan ini. Bagi barang-barang tersebut yang dijual di pasaran tempatan maka implikasinya ialah Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil setakat jumlah cukai-cukai yang sepatutnya dipungut atasnya memandangkan cukai-cukai itu masih belum dijelaskan oleh pihak berkenaan. Tetapi bagi barang-barang yang diseludup keluar dari negara ini kehilangan hasil adalah tidak berlaku walaupun barang-barang tersebut tidak disahkan pengeksportannya.

Berdasarkan kepada keterangan di atas saya sukanya menegaskan bahawa jumlah kehilangan hasil Kerajaan sebanyak \$5 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah tidak benar. Mengikut rekod Jabatan Kastam jumlah hasil yang ditaksir berdasarkan atas barang-barang jualan dari kedai-kedai bebas cukai yang tidak disahkan

pengeksporthannya adalah lebih kurang \$2.8 juta sebulan purata. Sebagaimana telah diterangkan tidak semua hasil itu boleh dianggap sebagai telah hilang kerana sebahagian daripada barang-barang yang tidak disahkan dieksporth itu adalah diseludup ke Thailand. Jumlah sebenar barang-barang yang diseludup ini tidak dapat diketahui tetapi adalah dipercayai bahawa jumlah tersebut melebihi dari 50% daripada jumlah barang-barang yang tidak disahkan dieksporth itu. Dengan itu anggaran kehilangan hasil sebenar Kerajaan yang lebih munasabah ialah dalam lingkungan \$1 juta sebulan sahaja.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah membenarkan penubuhan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang berikutan dengan penamatan taraf pelabuhan bebasnya ialah untuk menentukan supaya perniagaan peluncuran pulau tersebut tidak terlalu terjejas. Tetapi memandangkan bahawa penyelewengan telah berlaku berkaitan kedai-kedai ini maka Kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Kerajaan telah menguatkuasakan satu langkah baru mulai 1hb Oktober 1981. Melaluinya jenis barang-barang yang boleh dijual di kedai-kedai bebas cukai telah dikurangkan. Selain daripada itu syarat baru juga dikenakan bahawa pekedai-pekedai bebas cukai mestilah menentukan bahawa tiap-tiap jualan rokok dan minuman keras oleh mereka adalah disahkan dieksporth. Sekiranya tidak pekedai-pekedai berkenaan akan dikehendaki membayar cukai-cukai yang terlibat. Mulai dari 1hb Disember, 1981 pula syarat ini akan dikenakan atas semua barang-barang yang dijual oleh kedai-kedai bebas cukai. Langkah ini akan menghapuskan langsung masalah kehilangan hasil itu.

Berkenaan dengan penempatan kedai-kedai bebas cukai pula buat masa ini Kerajaan tidaklah bertujuan untuk membenarkan penubuhannya di lapangan terbang atau pelabuhan kapal sahaja. Ini adalah disebabkan bahawa sebilangan besar kedai-kedai bebas cukai telahpun ditubuh di luar kawasan-kawasan tersebut.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar

bahawa salah satu sebab kegiatan menyeludup barang-barang dari kedai-kedai bebas cukai ini berlaku adalah disebabkan oleh terlampau banyak lesen Duty Free Shops ini dikeluarkan lebih daripada yang diperlukan dan oleh sebab banyaknya lesen-lesen kedai ini dikeluarkan maka peniaga-peniaga itu terpaksa bertanding sesama sendiri. Cara lain tidak dapat hendak atasi masalah perbelanjaan kedai itu, terpaksa dijalankan kegiatan menyeludup ini dan kalau sedar adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak mengurangkan pengeluaran lesen-lesen yang berkenaan?

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat, cadang saya bukanlah terlebih lesen telah dikeluarkan. Apa yang dikeluarkan saya ingat adalah yang mencukupi sahaja. Setakat ini permohonan untuk lesen baru belum ditimbang lagi.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kerajaan telahpun menguatkuasakan satu cara baru menyekat kegiatan penyeludupan dan sebagainya dan adakah benar pekedai-pekedai ini apabila dikenakan arahan baru ini mereka bercadang hendak berjumpa Kementerian dan kalaulah mereka ini membuat rayuan dimanakah pendirian Kerajaan terhadap mempertahankan kegiatan penyeludupan ini berlaku lagi?

**Dato' Mak Hon Kam:** Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut mulai daripada 1hb Oktober, 1981 ini barang-barang ini akan dikurangkan daripada kedai bebas cukai. Saya ingin mendapat tahu nama jenis-jenis barang yang dikuatkuasakan boleh dijual di kedai bebas cukai mulai 1hb Oktober, 1981.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu barangkali terlalu rumit hendak dijawab kalau tidak ada notis.

**Dato' Mak Hon Kam:** Saya memerlukan notis.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada selain daripada apa yang akan dibuat pada 1hb Oktober, 1981 pihak Kementerian juga bercadang hendak mengenakan kawalan atas jumlah barang-barang yang boleh dibeli daripada kedai bebas cukai ini. Misalnya kalau untuk rokok satu karton untuk satu minggu lebih kurang. Jadi tidaklah dia boleh beli sebanyak mana yang dia suka oleh sebab apabila dia beli sebanyak mana yang dia suka tentulah tujuannya tidak lain untuk dijual.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan tadi di dalam jawapan asal saya, barang-barang yang boleh dijual di kedai bebas cukai telah dikurangkan. Kementerian tidak bercadang untuk restrictkan barang-barang yang akan dibeli oleh pelancong-pelancong.

#### SIDANG PEMIMPIN KOMANWEL DI AUSTRALIA

**7. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan dengan langkah yang diambil oleh beliau tidak akan menghadiri sidang pemimpin Komanwel di Australia seperti yang diumumkan itu dapatkah ianya dikatakan sebagai satu indikasi tentang zaman kita menterjemahkannya sebagai salah satu dari dasar baru Kerajaan sekarang.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sahaja memegang jawatannya. Keputusannya tidak menghadiri sidang pemimpin Komanwel, di Australia adalah kerana tugas-tugas dalam negeri yang mesti diselesaikan dan seharusnya diberi keutamaan.

Sepanjang keahlian kita dalam Komanwel keputusan ini tidak menunjukkan satu perubahan dasar yang baru. Kita akan terus menghormati Pertubuhan Komanwel kerana ianya mempunyai manfaat-manfaat tertentu dalam usaha-usaha mengekalkan pertubuhan ini. Apa yang kita ingin lihat ialah kemajuan dari segi prestasi khususnya sumbangan secara

positif dari negara-negara ahli yang maju bagi mengurangkan masalah-masalah negara-negara yang sedang membangun.

Dalam hal ini kita beri keyakinan untuk melihat potensi Komanwel dipergunakan sepenuhnya ke arah satu kerjasama yang benar-benar bermanfaat. Ini bermakna negara-negara ahli yang maju memainkan peranan membuka jalan dan membantu dengan cara positif memajukan ekonomi negara-negara ahli yang sedang membangun bagi kepentingan bersama jangka panjang.

Pada pendapat Kerajaan, Komanwel akan terus dapat memberi sumbangan penting kepada Dailog Utara-Selatan sekiranya ahli negara maju dapat menyusun semula struktur ekonomi mereka dan mengurangkan lagi sekatan-sekatan protectionisma agar satu sistem ekonomi antarabangsa yang adil dapat diwujudkan. Dengan berbuat demikian ianya dapat mempengaruhi negara maju yang lain dalam melaksanakan satu peraturan ekonomi dunia yang baru seperti yang terkandung dalam hasrat mengwujudkan konsep New International Economic Order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini kenapa beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak boleh menggantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadiri Persidangan Komanwel khasnya apabila beliau ada senang untuk pergi ke Paris bagi menghadiri satu sidang Lembaga UNESCO dan apabila beliau balik tentulah boleh mengetuai delegasi Malaysia khasnya untuk memberi taraf yang sewajarnya mengenai kedudukan Malaysia dalam Komanwel.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama yang ada berkenaan dengan kedudukan Perdana Menteri sama juga diberi berhubung dengan kedudukan saya dalam negeri ini.

Berhubung dengan soal saya nampaknya lebih memberatkan pergi ke Paris iaitu ke persidangan UNESCO, saya suka menyatakan bahawa saya ialah menjadi anggota Lembaga Pengurus UNESCO dan perlulah saya pergi untuk meletakkan jawatan

dan memastikan bahawa wakil Malaysia iaitu Menteri Pelajaran baru kita dipilih mengambil tempat saya. Jadi tugas dan tanggungjawab ini bolehlah dikatakan merupakan tugas dan tanggungjawab yang ada hubungan secara langsung dan merupakan tugas dan tanggungjawab penting dari segi kedudukan Malaysia di dalam Lembaga Pengurus UNESCO.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia berasa keciwa dengan peranan negara-negara maju dalam Komanwel dan kalau sekiranya Komanwel tidak mengubah prestasinya, keadaannya kepada apa yang ada sekarang ini, adakah Kerajaan Malaysia akan menimbang untuk mengubah dasarnya terhadap Komanwel.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu rasa saya jauh daripada soalan asal, tetapi kalau Yang Amat Berhormat hendak menjawab, sila.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya seperti saya katakan tadi Perdana Menteri tidak pergi kerana kesibukan. Dari segi soal kekeciwaan ini saya fikir dalam hubungan antarabangsa tidak ada satu negarapun puas hati 100% dari segi peranan sesuatu pertubuhan yang ia menjadi anggota. Jadi kita haruslah menggunakan pengaruh, menggunakan apa juga jentera yang boleh digunakan di dalam bidang kita bersama-sama menjadi anggota sesuatu badan yang berkenaan dan begitu jugalah dengan kedudukan Malaysia di dalam Komanwel.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan walaupun pihak Kerajaan Malaysia masih belum mengubah dasarnya terhadap keanggotaan Malaysia di dalam Komanwel, tetapi pada pandangan saya akhir-akhir ini keanggotaan kita dalam Komanwel banyak merugikan daripada menguntungkan lebih-lebih lagi sikap Kerajaan British sendiri. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula tentang kedudukan ini supaya kita duduk dalam Bangsa-bangsa Bersatu sahaja.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengkajian semula tidak timbul oleh sebab seperti terkandung di dalam jawapan saya tadi, Kerajaan masih percaya dengan sistem komuniti Komanwel. Dari segi soal sama ada kita mendapat sesuatu keuntungan atau tidak ataupun sama ada kedudukan kita merosot atau tidak di dalam Komanwel, saya suka menyatakan bahawa hasil daripada Sidang Ketua-ketua Komanwel di Melbourne ini telah membuktikan bahawa disebabkan peranan Malaysia sedikit sebanyak kita telah mendapat sesuatu kebaikan dengan mengambil bahagian di dalamnya.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan pendapat beliau terhadap potensi kerjasama Komanwel untuk memajukan ahli-ahli dalam New International Economic Order, North-South Dialogue, sekatan protectionism, tetapi adakah beliau sedar bahawa kegiatan yang dibuat dalam Komanwel umpamanya tidak memperdulikan langsung beberapa perkara seperti penekanan Britain terhadap lebih 20,000 pelajar-pelajar Malaysia di sana dan 86,000 pelajar-pelajar Komanwel di sana dan mereka lebih memberikan perhatian kepada keluarga EEC. Tidakkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa kepentingan yang berlaku lebih merugikan dari keuntungan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukan sahaja sedar tetapi telah menyampaikan hasrat dan perasaannya dari segi kedudukan pelajar-pelajar kita di negara yang berkenaan seperti yang ditarik perhatian oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan bukan itu sahaja Kerajaan percaya bahawa dengan keanggotaan kita di dalam Komanwel kita boleh menggunakan forum ini untuk mempengaruhi bukan sahaja negara yang berkenaan yang dikatakan menindas atau mengakibatkan keadaan buruk pelajar-pelajar kita di negara yang berkenaan itu, tetapi boleh kita menggunakannya untuk mempengaruhi negara-negara lain yang juga ada begitu ramai pelajar-pelajar mereka di negara yang berkenaan itu dan sama-samalah kita gunakan apa juga pengaruh kita untuk cuba sedaya upaya mengurangkan kesan buruk berasaskan kepada dasar Kerajaan itu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menghadiri sidang Komanwel itu adalah merupakan satu bukti pengurusan yang bijak ke atas pengagihan masa Perdana Menteri kita, khususnya dari segi keadaan dan suasana yang terdapat dalam negeri dan juga di luar negeri pada masa itu.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Inggeris juga telah mengajar kita waktu kita bersekolah dahulu satu pepatah mengatakan "charity begins at home". Jadi kita menjaga rumah kita dahulu. Jadi, oleh sebab kedua-dua kita ini baharu sahaja memegang jawatan kita hendak betulkan keadaan di rumah kita dahulu sebelum kita keluar. Jadi jawapannya, ya.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Komanwel terdiri daripada 44 buah negeri ada membincangkan bermacam-macam perkara North-South dialogue untuk menghapuskan kemiskinan dalam dunia. Di dalam negara kita bukan semua rakyatnya kaya, ada juga yang ramai miskin. Saya harap kepada Kerajaan pada masa akan datang boleh memberikan jaminan bahawa persidangan semacam ini Kerajaan mestilah mengambil bahagian.

Yang kedua, adakah Kabinet memikirkan hendak keluar daripada Komanwel?

**Dato' Musa Hitam:** Jawapan kepada soalan kedua itu, tidak. Soalan yang pertama tadi, saya suka menyatakan bahawa apa yang dikenal sebagai North-South Dialogue ialah merupakan satu konsep kerjasama di antara negara-negara yang maju dan negara-negara yang sedang membangun. Konsep yang merupakan global untuk memperbaiki hubungan antarabangsa di antara kedua-dua pihak yang berkenaan supaya negara-negara yang ada kaitan dengan masalah-masalah yang dikemukakan itu akan dapat pula menggunakan apa juga persetujuan yang mungkin dapat dicapai untuk meninggikan taraf hidup di kawasan negara-negara ataupun wilayah masing-masing. Itulah asasnya. Jadi, berasas kepada itulah maka seperti saya katakan tadi Malaysia akan terus mengambil

bahagian di dalam forum Komanwel dan juga menggunakan di mana juga kesempatan yang ada bagi kita memainkan peranan kita sedikit sebanyak untuk menentukan bahawa konsep New International Economic Order ini akan benar-benar tercapai.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apakah motif yang sebenarnya ada pihak yang tertentu untuk mengheboh-hebohkan atas ketidak hadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang Komanwel di Australia dan juga bagaimanakah Malaysia boleh mempermainkan peranannya untuk menseimbangkan kedua-dua kepentingan di utara dan selatan melalui Komanwel.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dicari oleh Ahli Yang Berhormat motif yang sebenarnya di dalam negeri dan kalau hendak dicari di kalangan sesama kita, saya fikir barangkali molek Ahli Yang Berhormat itu bertanya dengan parti-parti yang sentiasa mencari salah dasar Kerajaan (*Ketawa*). Tetapi saya sukalah menyatakan di sini apa yang telah saya jawabkan tadi itulah rupanya dasar Kerajaan kepada Komanwel.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata negeri kita ini ada banyak masalah untuk diselesaikan adakah masalah-masalah dalam negeri kita termasuk Menteri-menteri Besar meletakkan jawatan mereka di sana sini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

#### HARGA MINYAK MENTAH/GULA DI PASARAN DUNIA TURUN

8. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar meskipun minyak mentah dan gula telah turun begitu banyak sekali di pasaran dunia namun harga minyak dan gula di negara ini masih tinggi apakah langkah-langkah Kementeriannya telah ambil untuk mengkaji harga minyak dan gula dengan tujuan mengurangkan harganya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga gula mentah dan minyak mentah di pasaran dunia telah turun. Bersabit dengan gula saya telahpun menjawab pada 14-10-81 soal No. 3 daripada Yang Berhormat dari Ulu Trengganu iaitu kelmarin dan saya merujuk kepada jawapan itu dan tidak ada bercadang hendak tambah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga minyak, harga barang-barang petroleum di Malaysia didasarkan kepada kos barangan atau 'Product posting' di Singapura. Untuk mengira harga runcit kos barangan ini akan diambil kira dengan kos pemasaran dan pengangkutan, komisyen penderang dan cukai. Berdasarkan 'product posting' yang terbaharu dan mengikut formula di atas, struktur harga runcit barang-barang petroleum adalah seperti berikut:

	<i>Harga Runcit Semasa (Mulai 18hb April, 1981)</i>		<i>Harga Runcit Berdasarkan 'Product Posting' Yang Terbaharu</i>		<i>Kenaikan/ Penurunan</i>	
	Seliter	(Segelen)	Seliter	(Segelen)	Seliter	(Segelen)
Premium Petrol ..	\$1.08	(\$4.90)	\$1.09	(\$4.96)	+ 1 sen	(+ 6 sen)
Regular Petrol ..	\$1.02	(\$4.64)	\$1.03	(\$4.68)	+ 1 sen	(+ 4 sen)
Minyak Disel ..	46.2 sen	(\$2.10)	46.6 sen	(\$2.12)	+ 0.4 sen	(+ 2 sen)
Minyak Tanah ..	46.2 sen	(\$2.10)	45.3 sen	(\$2.06)	- 0.9 sen	(- 4 sen)
LPG .. .. .		\$1.49/kg.			\$1.49/kg.	

Ini bermakna harga premium dan regular petrol telah naik satu sen seliter, minyak disel 0.4 sen seliter, manakala harga minyak tanah telah turun sebanyak 0.9 sen seliter. Harga LPG tidak berubah. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengekalkan harga runcit pada paras yang terdapat sekarang. Sementara itu, Kementerian saya akan terus mengawal kedudukan harga minyak dan jika boleh akan cuba menurunkan harganya.

Mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian saya, di antara negara-negara di rantau ini, hanya Singapura sahaja yang telah menurunkan harga runcitnya. Harga di negara-negara lain, seperti Thailand dan Indonesia tidak berubah. Kita juga harus sedar bahawa harga di negara kita masih rendah jika dibandingkan dengan harga-harga di negara jiran kita, kecuali Indonesia dimana harga-harga petroleum diberi subsidi yang

amat tinggi. Kedudukan harga di negara-negara jiran berbanding dengan negara kita adalah seperti berikut:

	<i>Premium Petrol</i>	<i>Regular Petrol</i>	<i>Minyak Diesel</i>
	<i>Seliter</i>	<i>Seliter</i>	<i>Seliter</i>
Singapura ..	\$1.17	\$1.08	77 sen
Semenanjung Malaysia	\$1.08	\$1.02	46.2 sen
Sabah/Sarawak	\$1.06	\$1.02	46.2 sen

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, banyak lagi hendak bercakap, panjang lagi? Sebab masa sudah cukup, kalau boleh, gulung sedikit.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Baik!

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

## DATUK BANDAR—JAWATAN

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan jawatan Datuk Bandar untuk Kuala Lumpur yang akan dipilih oleh penduduk-penduduk Bandaraya Kuala Lumpur dan apakah benar jawatan Datuk Bandar itu akan dimansuhkan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Kedudukan Dewan Bandaraya dan jawatan Datuk Bandar bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan sedang dikaji oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu bentuk pentadbiran yang lebih berselaras dan berkesan bagi Ibu Negara ini.

Mengenai soalan sama ada jawatan Datuk Bandar dipilih oleh penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan, perkara ini perlu dilihat dari segi status Bandaraya Kuala Lumpur itu. Kuala Lumpur ialah Ibu Negara Malaysia yang ditadbir langsung oleh Kerajaan Persekutuan dengan itu ianya bukan hanya menjadi hak kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan ini sahaja tetapi menjadi kepunyaan semua rakyat Malaysia. Oleh itu, Kerajaan berpendapat kedudukan cara perlantikan yang ada pada masa sekarang adalah sesuai dan tidak perlu diubah.

## SIMPANAN MINYAK MENTAH MALAYSIA

10. Dato Dr Hee Tien Lai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan tong-tong minyak yang masih terdapat di bawah tanah di negara ini;
- (b) bilakah Malaysia akan menjadi pengimport bersih minyak;
- (c) memandangkan kepada kejatuhan harga minyak di pasaran sekarang, berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh Malaysia; dan
- (d) bagaimanakah keadaan ini dapat memberi kesan kepada strategi perancangan Rancangan Malaysia keempat.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):**

- (a) Anggaran jumlah simpanan minyak mentah yang boleh didapati di negara ini pada 1 Januari 1981 adalah 2.5 bilion tong.
- (b) Berasas kepada pengetahuan rasmi yang ada sekarang dan pengeluaran purata tahunan dan sekiranya tidak terjumpa telaga baru Malaysia dijangka akan menjadi pengimport bersih minyak mentah pada penghujung tahun lapan puluhan ini.
- (c) Kejatuhan harga minyak di pasaran sekarang sedikit sebanyak telah menjejaskan sumber hasil negara kita kerana bahan ini merupakan sumber hasil yang utama.

Namun begitu Malaysia sudah pun mengawal kadar pengeluaran minyak mentahnya sejajar dengan pelaksanaan Dasar Penjimatan Minyak Negara (National Oil Depletion Policy). Tindakan ini tidaklah semata-mata disebabkan oleh kemerosotan harga minyak baru-baru ini tetapi sebagai satu langkah untuk memanjangkan lagi jangkamasa pengeluaran dari simpanan minyak mentah negara.

Suka saya maklumkan iaitu dari segi purata tahunan, harga minyak mentah kita bagi tahun 1981 ini dijangka lebih tinggi dari purata dalam tahun 1980 iaitu pada paras \$US39 setong berbanding dengan \$US36.50 setong. Ini akan dapat mengatasi pengurangan dalam pengeluaran.

- (d) Strateji Rancangan Malaysia Keempat tidak akan terjejas oleh perkembangan dalam pasaran petroliaam sekarang yang dijangka hanya sementara sahaja. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pelaksanaan RME tidaklah bergantung kepada hasil minyak semata-mata tetapi juga dari beberapa punca hasil lain iaitu seperti cukai tidak langsung berikutan dari pelbagaian dalam ekonomi negara sejak beberapa tahun yang lepas. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan lagi supaya ekonomi

negara tidak akan bergantung kepada sesuatu punca hasil sahaja.

### **PENYELESAIAN POLITIK DI KAMPUCHEA**

**11. Tuan P. Patto** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam menyediakan pertemuan di antara Putera Norodom Sihanouk, Son Sann dan Khieu Samphan dari Kampuchea di Singapura pada awal bulan September lalu;
- (b) apakah sikap Kerajaan terhadap persetujuan tiga pemimpin itu untuk bertindak sama menentang rejim yang disokong oleh Vietnam di Kampuchea; dan
- (c) bagaimana Kerajaan Malaysia dapat menolong ketiga-tiga pemimpin dan puak mereka dalam usaha-usaha mereka untuk menentang rejim yang disokong kuat oleh Vietnam.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

- (a) Peranan Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain amat jelas sekali iaitu terus berusaha mencari jalan penyelesaian politik yang berkekalan bagi masalah Kampuchea. Di samping itu ASEAN sentiasa menghormati hasrat rakyat Kampuchea untuk menentukan masa depan mereka sendiri. Justeru itu ASEAN mengalu-alukan inspirasi rakyat Kampuchea yang ingin mewujudkan sebuah Kerajaan campuran untuk menjadi sebuah Kerajaan gantian (alternative government) Demokratik Kampuchea yang setakat ini hanya didokong oleh Khmer Rouge yang dikutuk kerana rekod kekejaman terhadap rakyatnya sendiri. Tujuan Kerajaan campuran tersebut ialah untuk membersihkan imej Kerajaan Demokratik Kampuchea dari rekod buruk tersebut dan berharap akan terus mendapat sokongan dari negara-negara anggota BBB untuk mengekalkan tauliahnya di Badan dunia itu sebagai sebuah

kerajaan yang sah mewakili rakyat Kampuchea.

Atas asas-asas inilah Malaysia dan negara-negara ASEAN lain telah menyambut baik pertemuan di Singapura di antara Putra Sihanouk Ketua Kumpulan Mounalika, Son Sann Ketua Kumpulan KPRLF dan Khieu Samphan Ketua Kumpulan Khmer Rouge. Singapura telah menawarkan negaranya sebagai tempat pertemuan tersebut dengan mengambil sempena semasa lawatan Putra Sihanouk ke negara itu.

- (b) Malaysia dan ASEAN telah berulang kali menyeru supaya rakyat Kampuchea diberi pilihan menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dari kuasa-kuasa luar. Justeru itu, pada dasarnya ASEAN terus tetap menghormati kehendak rakyat Kampuchea yang tidak mahu negaranya diperintah oleh rejim yang diasaskan oleh Kerajaan asing. Dalam kontek ini, ASEAN sendiri telah berulang kali menyeru Vietnam supaya menarik kaki semua tenteranya dari bumi Kampuchea dan menggesa Vietnam supaya jangan campurtangan dalam urusan dalam negara Kampuchea dan seterusnya memberi peluang kepada rakyat Kampuchea menentukan sendiri corak Kerajaan dan pemimpin yang mereka sukai.
- (c) Malaysia dan ASEAN menerusi perbincangan dua hala akan terus berusaha menggesa Vietnam supaya bersikap positive terhadap Kerajaan campuran itu kelak kerana tujuan Kerajaan campuran itu ingin mewujudkan sebuah negara Kampuchea yang bebas dari pengaruh luar dan benar-benar menjadi sebuah negara yang nuetral dan ingin wujud sebagai sebuah negara saling menghormati dengan negara-negara jiran yang lain. Vietnam haruslah mengambil kesempatan ini untuk membetulkan haluan sikapnya dengan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan Kerajaan campuran itu supaya suatu persefahaman di antara mereka dapat dicapai.

## AMNESTY INTERNATIONAL— LAPORAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menarik balik pengharaman yang dikenakan ke atas Laporan Amnesty International mengenai hak-hak Manusia di Malaysia dengan diikuti pula oleh suatu Kertas Putih mengenai hak-hak manusia di Malaysia untuk membetulkan kesilapan-kesilapan fakta dan rumusan-rumusan salah supaya menunjukkan Malaysia tidak sepatutnya berasa malu dengan rekod hak-hak manusianya.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai hak-hak manusia di Malaysia kerana hak-hak manusia di Malaysia adalah terpelihara. Begitu juga Kerajaan tidak akan menarik balik pengharaman yang dikenakan ke atas laporan Amnesty International mengenai Hak-hak Asasi Manusia di Malaysia memandangkan isi kandungannya didapati prasangka terhadap kepentingan dan keselamatan negara ini.

## CORAK EKONOMI NEGARA

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ada pengaruh-pengaruh luar yang cuba hendak mencorakkan ekonomi negara mengikut selernya sehingga boleh mencetuskan perasaan tidak puashati di kalangan peniaga-peniaga dan orang ramai, dan juga ada terdapat beberapa orang multi-millionaires yang kini duduk dalam berbagai agensi kewangan, perbadanan dan bank sehingga boleh menggugat kedudukan kewangan dan pasaran stock exchange di Malaysia. Adakah Kerajaan sedar pelabur-pelabur firma British memindahkan (siphon) bermillion ringgit keluar negeri pada tiap-tiap tahun.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah):** Kandungan soalan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum dan merupakan tuduhan yang serius. Jika Ahli

Yang Berhormat mempunyai maklumat dan butir-butir lanjut mengenainya ianya bolehlah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan senantiasanya mengawasi kedudukan ekonomi negara bersesuaian dengan dasar negara dan sistem yang dipakai di negara ini. Di samping itu ada beberapa undang-undang untuk melindungi keadaan-keadaan yang tidak diinginkan ini. Misalnya di bawah Akta Syarikat 1965, ada peruntukan bahawa seseorang pengarah mestilah sentiasa bertindak secara jujur dan tekun di dalam mengendalikan urusan pejabatnya. Tujuan peruntukan ini ialah untuk menentukan supaya pengarah-pengarah tersebut tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka di dalam syarikat berkenaan untuk faedah dirinya sendiri. Jika didapati pengarah yang melanggar syarat-syarat tanggungjawab tugas yang telah diberikan kepada beliau, maka beliau adalah bertanggungjawab kepada syarikat terhadap apa-apa faedah yang telah diterimanya atau untuk apa-apa kerugian yang melibatkan syarikat tersebut akibat daripada pelanggaran dan kesalahan di bawah Akta tersebut. Hukuman ke atas mereka yang melakukan kesalahan tersebut adalah penjara atau denda. Di samping itu terdapat juga undang-undang serta Akta yang lain seperti Akta Bank dan Akta Perusahaan Sekuriti yang mempunyai peruntukan-peruntukan yang tegas melarang sesiapa juga daripada sebarang penyalahgunaan kuasa.

Pindaan-pindaan yang tertentu juga akan di buat bagi mengemaskan lagi undang-undang yang berkenaan bagi mencegah mereka yang berkenaan daripada melakukan sebarang kecurangan.

Perlu dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada kiriman biasa untuk pembayaran dividen dan sebagainya, tidak ada bukti yang nyata yang telah menunjukkan bahawa wang Malaysia telah dipindah keluar negeri dengan begitu banyak oleh pelabur-pelabur British mahupun pelabur-pelabur lain sehingga boleh menjejaskan kedudukan kewangan dan ekonomi negara kita.

## KAD PENGENALAN MERAH

**14. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah, lebih kurang, pemegang kad pengenalan merah yang terdapat dalam negara ini dan menurut pecahan kaum;
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memudahkan mereka diberikan kewarganegaraan; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa pada masa sekarang pihak Kementerian mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan kewarganegaraan di bawah 'naturalisation' dari lima hingga sepuluh tahun; jika demikian, sama ada Jabatan berkenaan boleh dilicinkan bagi memastikan proses permohonan kewarganegaraan dapat dcepatkan.

**Dato' Musa Hitam:** Jumlah pemegang kad pengenalan merah di negara ini sehingga 31-8-1981 adalah sebanyak 287,843. Adalah tidak menjadi dasar Kementerian ini untuk memberikan angka-angka mengikut pecahan kaum. Setiap permohonan perlu dikaji dengan teliti untuk memastikan bahawa setiap permohonan itu memenuhi syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk menentukan setiap pemohon itu menumpukan kesetiiaannya yang tidak berbelah bagi kepada Raja dan Negara ini.

Pemberian taraf Warganegara adalah hak mutlak Kerajaan yang tidak boleh dipertikaikan, malahan ia merupakan satu penghormatan Kerajaan kepada pemohon-pemohon. Kerajaan tidaklah boleh dengan sewenang-wenangnya memberikan kerakyatan kepada pemohon-pemohon, melainkan setelah penelitian yang sehalus-halusnya dijalankan. Oleh yang demikian, masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan tidak lebih dari tempoh yang diperlukan.

## PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

**15. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan iaitu

pada bulan September 1981, bilangan permohonan kewarganegaraan yang diterima dari isteri-isteri rakyat Malaysia keturunan asing, bilangan yang telah diberi taraf penduduk tetap, bilangan yang telah ditolak dan bilangan yang masih lagi dalam proses yang mana masanya telah melebihi 3, 5 dan 10 tahun dan nyatakan komposisi kaumnya.

**Dato' Musa Hitam:** Jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan yang diterima daripada isteri-isteri rakyat Malaysia keturunan asing sehingga bulan September 1981 ialah sebanyak 24,664 sementara bilangan mereka yang telah diberi taraf penduduk tetap pula ialah berjumlah 14,249. Daripada jumlah 24,664 permohonan warganegara yang diterima sebanyak 542 telah ditolak dan permohonan yang masih dalam pertimbangan melebihi 3 tahun ialah 1,151 melebihi 5 tahun ialah 112 dan tidak ada permohonan dalam pertimbangan yang melebihi 10 tahun. Adalah tidak menjadi dasar Kementerian ini untuk memberikan pecahan permohonan mengikut komposisi kaum.

## JAMBATAN PULAU PINANG— ANGGARAN

**16. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) onkos jambatan yang dicadangkan untuk menyambung Penang Bridge;
- (b) jumlah rumah dan penghuni yang terjejas oleh jambatan ini;
- (c) pampasan yang dicadangkan untuk setiap rumah dan jumlah onkos pampasan;
- (d) kediaman alternatif yang dicadangkan, disediakan kepada penghuni-penghuni yang terlibat oleh projek ini; dan
- (e) tarikh yang dicadangkan untuk permulaan projek ini.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Saya mendapati soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas dan menurut tafsiran saya soalan itu ialah mengenai Jalan

Pantai Utara (North Coastal Road), Pulau Pinang, bukan mengenai jambatan Pulau Pinang. Jawapan saya kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah:

- (a) Anggaran harga pembinaan Jalan Pantai Utara yang dicadangkan untuk menyambung Jambatan Pulau Pinang ialah \$135 juta.
- (b) Jumlah rumah yang terlibat dengan projek ini menurut banci Pejabat Tanah Timur Laut Pulau Pinang ialah 152 buah.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pampasan untuk sesebuah rumah adalah berbeza berdasarkan kepada laporan penilaian yang akan dibuat oleh Pejabat Penilaian, Pulau Pinang. Menurut anggaran Pejabat Tanah Timur Laut, Pulau Pinang, jumlah semua pampasan ialah \$19.6 juta.
- (d) Mengenai kediaman alternatif, saya suka memaklumkan bahawa pejabat Tanah berkenaan akan berhubung dengan Pejabat Perumahan Pulau Pinang untuk melihatkan kemungkinan bagi menempatkan tuan-tuan punya rumah yang terlibat, di Rancangan Perumahan Murah Taman Free School dan Taman Tun Sardon.
- (e) Tarikh projek ini dijangka akan dimulakan ialah pada bulan Mac/April 1982.

#### **AHLI EXCO BEKERJA SEPENUH MASA**

17. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa semua Ahli EXCO, telah menumpukan sepenuh masa terhadap kerja mereka sebagaimana yang dikehendaki. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap Ahli EXCO yang tidak mengikut arahan Kerajaan tersebut.

**Perdana Menteri:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Ahli EXCO telahpun mula bekerja sepenuh masa

sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Oleh hal yang demikian, persoalan mengenai tindakan yang akan diambil terhadap Ahli EXCO yang tidak mengikut arahan Kerajaan tidak berbangkit.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos, 1947; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG HARTA PESAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) (PINDAAN) (NO. 1)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSyen VIENNA) (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb Oktober, 1981)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada waktu mesyuarat ditangguhkan semalam, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sedang berucap. Adakah Ahli Yang Berhormat hendak menyambung ucapannya?

3.43 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu):**

Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang rakan saya semalam telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perbuatan menyalahguna hak-hak diplomatik oleh pegawai-pegawai kedutaan asing di negara kita. Oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang serius dan boleh menyentuh keselamatan negara maka izinkan saya menyambung apa yang telah diperkatakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan mengintip oleh pegawai-pegawai Kedutaan Soviet bukanlah satu perkara yang baru. Apabila "perang dingin" sampai kepada kemuncaknya di dalam tahun enam puluhan sejumlah 226 orang pegawai-pegawai Kedutaan Soviet telah diusir keluar oleh 42 buah negara. Dalam tahun tujuh puluhan sahaja 180 orang lagi telah diusir daripada 20 buah negara. Sekarang dengan gagalannya usaha-usaha ke arah detente bagi mengurangkan perlumbaan senjata di kalangan negara-negara besar dan dengan meningkatnya "perang dingin" di antara Amerika dan China di satu pihak dan Soviet Union di satu pihak yang lain maka banyak tanda-tanda menunjukkan bahawa kegiatan mengintip dan espionage ini akan ditingkatkan di masa hadapan. Dalam keadaan seperti ini ASEAN sebagai satu kawasan yang strategik sudah pasti akan menjadi sasaran utama kegiatan seperti itu. Oleh itu adalah penting untuk kita sebagai sebuah negara di Malaysia meningkatkan kebolehan dan kemampuan kita di dalam bidang counter espionage dan juga di dalam kegiatan merisik kegiatan perisik-perisik asing ini. Kita berbangga dengan kebolehan badan-badan perisik kita seperti Special Branch dan Military Intelligence kita yang telah berjaya mengesan dan membongkar kegiatan-kegiatan seperti ini di masa yang lalu, namun demikian kejayaan kita itu mungkin akan menyebabkan gerakan pengintipan dan espionage itu akan dilipatgandakan oleh pihak-pihak yang berkenaan di masa akan datang. Tidak ada pilihan lain bagi kita kecuali memperhebat dan memperkuat tenaga kita untuk menghadapi kemungkinan itu di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini iaitu bulan lalu sahaja kita telah membaca bagaimana gerakan pengintipan Soviet Union berlaku di perairan Filipina, mereka menggunakan kapal dagangan biasa yang dilengkapi dengan alat-alat elektronik yang sophisticated untuk mengintip gerakan tentera laut Filipina. Mungkin hal yang serupa sedang berlaku di sekeliling perairan kita dan negara-negara ASEAN yang lain, terutama di perairan Selat Melaka yang amat strategik itu.

Oleh yang demikian saya menyeru supaya diadakan segera satu perjumpaan para pakar intelligence di dalam negara-negara ASEAN untuk mencari jalan dan mengadakan usaha bersama, usaha secara collective supaya kita dapat menyusun satu strategi counter espionage yang berkesan bagi melindungi rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah selanjutnya Malaysia dan lain-lain negara ASEAN patutlah juga mengkaji kemungkinan mengambil daya inisiatif untuk mengemukakan masalah pengintipan dan espionage oleh . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tajuk Undang-undang ini ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dan waktu dibahaskan semalam berkait tepat dengan PLO. Jadi saya lihat setelah lebih kurang 10 minit berjalan perbahasan, saya masih dapat lagi cerita yang berkaitan dengan espionage, semua sekali. Kalau boleh, Yang Berhormat tumpukan kepada tajuk Undang-undang ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan antarabangsa adalah diasaskan kepada Vienna Convention dan apabila kita menyentuh perhubungan antarabangsa maka kita menyentuh Vienna Convention. Apa yang kita bincangkan pada hari ini ialah Akta untuk meminda hak-hak keistimewaan diplomatik, iaitu Konvensyen Vienna, 1966. Apa yang hendak saya katakan di sini ialah perbuatan penyalahgunaan hak-hak yang diberi di bawah Akta ini di masa yang lalu dan langkah-langkah yang patut diambil untuk membetulkan keadaan yang pincang ini. Izinkan saya teruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain akan mengambil satu inisiatif untuk mengemukakan masalah pengintipan oleh ahli-ahli kedutaan dan pegawai-pegawai kedutaan asing ini ke Bangsa-bangsa Bersatu supaya satu tindakan yang lebih berkesan dapat diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu, misalnya dengan mengkaji semula Vienna Convention itu keseluruhannya supaya kepentingan negara-negara kecil dapat dilindungi dan supaya kuasa-kuasa besar tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan negara-negara kecil seperti Malaysia ini sebagai battle ground mereka untuk menguji kemampuan mereka dari segi pengintipan dan espionage.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak ditulis di dalam akhbar-akhbar mengenai kegiatan KGB dan pegawai-pegawai kedutaan Soviet Union di Kuala Lumpur sejak Malaysia mengusir tiga orang diplomat . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tajuk ini ialah "suatu Akta untuk meminda" dan perkara yang hendak dirunding ini ialah pindaan kepada Akta itu, bukan kepada Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dan di bawah para 2 tersebut berbunyi:

"The provisions of this Act shall to such extent and with such modifications as the Yang di-Pertuan Agong may deem necessary, apply in respect of such body or political entity as he may by order published in the *Gazette* specify."

Jadi semuanya perkara ini ialah berkenaan dengan pindaan dan bukanlah berkenaan dengan the whole policy ataupun keistimewaan diplomatik keseluruhannya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cuba hendak tegaskan di sini ialah bahawa pindaan yang ada ini sahaja tidak cukup bagi saya keseluruhannya Vienna Convention itu patut dikaji semula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak usahlah kita bercelaru dalam perkara ini. Akta ini khas hanya untuk

meneliti pindaan sahaja bukan kajian untuk satu Akta Keistimewaan Diplomatik keseluruhannya. Saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada pindaan ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sedang bercakap atas masalah penyalahgunaan kuasa-kuasa keistimewaan diplomatik dan kegiatan-kegiatan intelligence oleh ahli-ahli diplomatik. Ini adalah sebahagian daripada penyalahgunaan hak-hak keistimewaan itu. Jadi kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya akan teruskan sedikit sahaja lagi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi sejak kita mengusir tiga orang diplomat Soviet pada 13-7-81 yang lalu banyak tulisan-tulisan telah dimuatkan dalam akhbar-akhbar dan daripada tulisan-tulisan itu kita dapat tahu bahawa kumpulan yang selalunya menjadi sasaran (target) kepada usaha-usaha pengintipan ini ialah para wartawan atau penulis-penulis akhbar, ahli-ahli politik dan juga pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Mereka adalah kumpulan-kumpulan orang yang akan diundang ke majlis-majlis resepsi rasmi atau tidak rasmi oleh kedutaan-kedutaan dan menjadi sasaran hospitaliti kepada kedutaan-kedutaan ini. Selalunya di dalam resepsi seperti ini akan dipertunjukkan slide, wayang gambar, minuman dan sebagainya, yang menjadi satu tempat yang baik untuk pihak-pihak yang berkenaan menyebarkan propaganda mengenai negara mereka. Kebanyakan orang akan merasa sedikit megah atau merasa amat senang hati apabila dimasukkan di dalam senarai orang-orang jemputan oleh kedutaan-kedutaan yang berkenaan tetapi secara tidak sedar orang-orang inilah yang akan terperangkap di dalam gerakan pengintipan dan espionage kuasa-kuasa besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum keadaan menjadi tidak terkawal saya menyeru pihak Kerajaan supaya menasihatkan golongan-golongan yang saya sebutkan tadi supaya berhati-hati dengan kegiatan hospitaliti kedutaan-kedutaan asing terutama kedutaan-kedutaan asing yang memang mempunyai

rekod yang tidak baik bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara-negara lain di dunia ini. Kalau perlu kita patut mengadakan satu circular kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan kita supaya mereka berhati-hati mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh satu perkara yang saya rasa mustahak juga disebutkan di sini iaitu kebanyakan saya perhatikan apabila kedutaan-kedutaan asing mengadakan majlis-majlis upacara hari kebangsaan mereka di Kuala Lumpur maka saya tengok ramai para Menteri kita dan pegawai-pegawai kanan kita hadir di dalam perjumpaan dan resepsi-resepsi seperti itu. Tidak ada salahnya kita menunjukkan yang kita hendak bersahabat dengan mereka dengan menghadirkan diri di dalam upacara-upacara seperti ini, malangnya keadaan ini tidak direciprocate oleh negara-negara mereka sendiri apabila kita mengadakan perayaan-perayaan atau upacara menyambut Hari Kebangsaan kita di luar negeri. Saya harap pihak Wisma Putra akan dapat menyusun satu senarai di mana satu-satu negeri yang Menteri-menteri mereka tidak pernah hadir di dalam perayaan Hari Kebangsaan kita yang kita adakan di negeri mereka dan hantarkan list itu kepada semua Menteri-menteri Kabinet kita supaya mereka tahu lain kali kalau ada jemputan daripada kedutaan negeri yang berkenaan di Kuala Lumpur untuk mengadakan Majlis atau Perayaan Hari Kebangsaan mereka pula kita tahu apa yang hendak kita buat. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.59 *ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta Untuk Meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

Tuan Speaker, saya adalah menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan semalam dan juga saya perlu menyatakan bahawa saya adalah menyokong bahawa satu langkah yang agak wajar dan bijaksana yang diambil oleh pihak kita untuk mengiktiraf taraf dan kedudukan perjuangan PLO.

Tuan Speaker, saya kira sudah sampai masanya bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan bagaimana kita boleh melalui bantuan yang baik secara jasmaniah atau rohaniah untuk menjayakan perjuangan PLO yang selama ini. Ini bukanlah berasaskan apa-apa prinsip, satu prinsip yang mustahak ialah hak asasi kehidupan dan kemanusiaan (survival of human beings).

Tuan Speaker, di sini saya harap boleh diberikan peluang untuk menyentuh sedikit perkara yang ada berkaitan dengan pindaan ini walaupun tidak secara langsung tetapi adalah secara tidak langsung yang ada berkaitan dengan kedudukan keistimewaan diplomatik yang diberikan kepada kedutaan-kedutaan atau pihak-pihak yang menikmati keistimewaan diplomatik di negara kita.

Memang kita perlu menjunjung tinggi semangat dan prinsip Konvensyen Vienna tetapi ianya tidak perlu dijunjung tinggi at the expense of our national interest. Kita perlu berwaspada apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan di negara kita oleh kedutaan-kedutaan yang ada di negara kita. Saya tidak berniat hendak meminta Kerajaan mencampurtangani bahawa ini adalah merupakan satu hak keistimewaan diplomat atau mencadangkan Kerajaan cuba melanggar amalan atau kebiasaan atau konvensyen diplomat yang seperti termaktub dalam Vienna kerana adanya insiden-insiden yang sudah berlaku selama ini, baik dalam Malaysia sendiri atau di luar negara kita.

Umpamanya, baru-baru ini satu peristiwa yang sangat mendukacitakan kita sudah berlaku iaitu KGB. Tuan Speaker, yang lebih menyedihkan dan mendukacitakan rakyat Malaysia ialah orang yang dihubungi ialah orang yang sangat dipercayai oleh pemimpin negara kita.

Tuan Speaker, saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi Kerajaan kita bukan sahaja untuk mempertingkatkan kewaspadaan dan pengawalan terhadap segala aktiviti-aktiviti diplomat khususnya yang dianggap mungkin akan mengancam keselamatan atau kestabilan politik dan ekonomi negara kita. Saya fikir apa yang sudah berlaku, yang sudah terjadi di negara kita ini atau di lain-lain negara perlulah dijadikan sebagai pengajaran yang pahit supaya apa yang berlaku di lain-lain

negara tidak akan tertimpa di negara kita sehingga negara kita akan dijamin oleh satu bentuk perjuangan yang sangat merbahaya, bukan melalui senjata yang berapi, tetapi melalui satu perjuangan yang sangat halus yang tidak boleh dinampak oleh mata rakyat, tetapi sampai masanya sesuatu Kerajaan akan runtuh kerana adanya aktiviti-aktiviti yang sudah diplan oleh kuasa-kuasa yang ambitious yang cuba mahu menjaminan sesebuah negara.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan kita boleh mengkaji semula bukan sahaja perhubungan-perhubungan dengan negara-negara yang mempunyai diplomatik dengan Malaysia tetapi juga dengan negara-negara yang masih belum ada perhubungan diplomatik yang secara rasmi. Saya fikir sudah sampai masanya untuk kita mengkaji semula (to review) ialah apakah gunanya hanya pada nama sahaja kita ada mempunyai perhubungan diplomatik dengan satu negara yang tertentu, tetapi negara ini tidak langsung menunjukkan penghormatan terhadap kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Saya fikir ini sangat mustahak. Jika sesuatu negara di mana kita ada mempunyai perhubungan diplomatik tetapi mereka baik secara langsung atau tidak langsung telah menunjukkan tindak-tanduknya yang tidak menghormati kedaulatan dan kewibawaan negara kita, maka apa gunanya kita masih berpegang teguh atas perhubungan diplomatik yang pada namanya sahaja.

Sebenarnya pada saat ini sudah sampai masanya bagi negara kita untuk mencari jalan keluar bagaimana kita boleh mengadakan lebih banyak perhubungan diplomatik dengan semua negara yang boleh dianggap sebagai negara yang bersahabat dengan Malaysia, bukanlah negara yang bermusuhan dengan Malaysia. Saya tidak usahlah sebut nama-nama negara yang terlibat, kita tahu sama tahu negara yang kita sebut tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, saya harap Malaysia boleh juga melancarkan atau mengadakan atau melibatkan usaha yang lebih intensif untuk memperbaiki perhubungan dengan negara-negara yang dianggap sangat mustahak untuk

mempengaruhi pembangunan sosio-ekonomi dan kestabilan politik negara kita.

Saya sungguh merasa sedih baru-baru ini bahawa apa yang berlaku, umpamanya, pada dua hari yang lepas "Times of London". Walaupun kita tidak tahu apakah motif yang sebenarnya, tetapi apa yang dilaporkan dalam "Times of London" pada dua hari yang lepas ini nampaknya ada satu siri kempen yang cuba mahu menjejaskan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir yang sedang memimpin negara kita di zaman yang penuh dengan cabaran dan pancaroba hari ini.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan boleh mengambil berat atas satu siri kempen yang nampaknya sedang dijalankan baik secara langsung atau tidak langsung kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun, sebagai sebuah negara yang kecil, kita tidak sanggup untuk melihat bahawa Malaysia dijadikan sebagai sasaran untuk tujuan politik mereka. Saya harap perkara ini boleh disiasat dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap laporan dalam "Times of London" dua hari yang lepas ini. Saya perlu menyatakan protes saya sendiri atau bantahan saya sendiri terhadap laporan ini. Nampaknya satu keadaan yang tidak sebenarnya sudah dipermainkan dan kenyataan yang sebenarnya sudah diputarbalikkan. Saya tidak mahu melihat satu strategi untuk melihat divide and rule di antara barisan kita sendiri dengan laporan-laporan yang disiarkan baik dalam suratkhbar atau majallah asing atau melalui mass-media mereka. Saya harap Malaysia boleh mengkaji dan mengadakan satu strategi yang baru untuk memerangi dan untuk bertindak balas terhadap segala kempen atau propaganda yang dianggap sangat tidak sihat yang akan menjejaskan imej Malaysia kita, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak tahu apakah motif sebenarnya perkara ini berlaku pada saat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang pucuk pimpinan negara kita.

Tuan Speaker, satu perkara juga perlu kita bangkitkan ialah saya harap Malaysia boleh melalui perhubungan baik kita dengan Amerika Syarikat supaya Amerika Syarikat boleh mengubah sikapnya untuk

menolong negara-negara yang mengeluarkan timah dalam ITC (International Tin Council). Jika sekiranya Amerika Syarikat adalah merupakan sebuah negara yang baik, sebagai partner yang baik dengan Malaysia yang lebih mustahak Amerika Syarikat ialah perlu menunjukkan tindakan yang sia-sia untuk menolong Malaysia sebagai negara yang membangun untuk melepaskan diri daripada satu masalah yang sangat rumit dialami dalam perusahaan pertimahan. Saya harap dan saya merayu Amerika boleh menimbang semula untuk bersama-sama menyertai ITC dan bersama-sama untuk bekerjasama dengan kumpulan enam negara, khasnya Malaysia bagaimana melalui bantuan dan kerjasama Amerika melalui perhubungan diplomatik yang kita hari ini untuk memperbaiki keadaan ekonomi Malaysia khasnya dalam bidang perusahaan timah.

Tuan Speaker, saya harap dapat diizinkan untuk menyentuh sedikit mengenai perhubungan diplomatik Malaysia dengan Kumpulan 77 atau lebih tepat namanya "Kumpulan Utara-Selatan". Saya fikir sudah sampai masanya bagi Malaysia untuk mengambil inisiatif dan mempelopori satu kempen yang lebih positif untuk memperseimbangkan kedua-kedua kepentingan khasnya kepentingan di antara Utara dan Selatan, baik melalui pergerakan Komonwel atau melalui apa-apa badan pun. Saya yakin Malaysia tentu boleh memainkan satu peranan yang baik dalam Kumpulan 77 ini khasnya untuk kepentingan pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

Tuan Speaker, kita tidak boleh terus membiarkan satu gap yang begitu meluas atau perhubungan yang tidak begitu memuaskan di antara Utara dan Selatan ini berterusan. Saya fikir Malaysia tentu boleh dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan yang mustahak dan konstruktif untuk merapatkan perhubungan di antara Utara dan Selatan khasnya melalui satu persidangan yang diadakan di Mexico. Baru-baru ini, saya harap isu yang paling mustahak mengenai barang keluaran mentah (komoditi) Malaysia boleh diperbincangkan supaya masalah kemerosotan harga barang-barang mentah Malaysia ini boleh diperbaiki melalui kerjasama yang dicapai dalam persidangan

yang diadakan di Mexico dalam Kumpulan 77 atau dalam United Nations.

Tuan Speaker, akhirnya saya harap satu perkara yang perlu diperhatikan ialah bagaimana negara kita boleh mengelakkan dari dijadikan sebagai pusat persaingan super power baik melalui proxynya atau melalui aktiviti-aktiviti pengintipan mereka. Perang yang paling dahsyat hari ini baik perang dingin atau perang proxy ialah rakyat langsung tidak sedar apa yang sudah berlaku dalam negara kita. Saya harap Kerajaan boleh melancarkan satu kempen yang lebih intensif tentang bagaimana bahayanya jika sekiranya Malaysia dijadikan sebagai sebuah pusat pengintipan di dunia ini khasnya di rantau Asia.

Saya yakin segala pengintipan itu tentulah tidak akan berkesan atau membawa apa-apa faedah jika ianya tidak mendapat sokongan atau kerjasama dari rakyat Malaysia sendiri. Sebab itu, saya yakin rakyat Malaysia adalah memainkan satu peranan yang mustahak untuk memperlindungi kepentingan kewibawaan, keutuhan dan kemerdekaan negara kita.

Kita jangan terlibat dalam satu peristiwa seperti mana yang berlaku di lain-lain negara, kerana apa yang membimbangkan saya ialah peristiwa kegiatan KGB ini sudah menunjukkan bagaimana bahayanya, umpamanya peristiwa yang berlaku di Afganistan di Afrika dan di Indo-China. Jika rakyat kita kurang berwaspada terhadap bagaimana serius dan bahayanya cara perjuangan hari ini, cara perjuangan politik yang berproxy atau melalui aktiviti-aktiviti pengintipan, mungkin kita dengan secara tidak langsung atau tidak sedar akan terjerumus dalam perangkap musuh negara kita. Saya harap apa yang sudah berlaku dalam negara ini atau negara asing perlulah dijadikan sebagai pengajaran baik terhadap negara dan rakyat kita.

Saya sangat kluatir bahawa senjatapi seperti tankers, jet fighter dan sebagainya, itu semua boleh nampak tetapi perjuangan proxy, perjuangan melalui pengintipan ini langsung tidak boleh nampak atau dikesani.

Saya perlu mengucapkan syabas dan syukur terhadap kemampuan jentera Kerajaan kita, jentera Special Branch kita yang sanggup

mengesani apa yang sudah berlaku tetapi kerana pengintipan cara perjuangan pengintipan atau proxy yang begitu sophisticated sehingga kadang-kadang kita menganggap orang yang sebagai taat setia, sebagai pahlawan, sebagai pejuang negara kita ini, akhirnya sudah menunjukkan warna kulitnya, mereka sebenarnya adalah musuh dalam selimut. Ini adalah sangat merbahaya dan saya fikir ini adalah tanggungjawab setiap rakyat Malaysia bukan sahaja daripada pihak Kerajaan tetapi setiap rakyat Malaysia untuk membongkar segala bentuk perjuangan proxy atau pengintipan baik mereka dalam apa-apa fikiran ideologi, fahaman ataupun apa campun, itu kita tidak kira, asalkan ini adalah berkaitan dengan kepentingan negara dan rakyat maka semua kita adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memerangi, mendedahkan dan membongkarkan segala cara perjuangan yang sangat bahaya yang bersembunyi di bawah nama keistimewaan diplomatik atau di bawah nama perjuangan demi keselamatan negara untuk tanahairku, tetapi akhirnya mungkin orang itu adalah merupakan musuh yang paling dahsyat dalam sejarah negara kita. Sekianlah sahaja, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.15 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjawab beberapa soalan dan cadangan yang telah dikemukakan semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1981.

Sebagai Pemangku Menteri Luar dan bagi pihak Kerajaan, saya ingin melafazkan penghargaan saya yang setinggi-tingginya kepada ahli-ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Balik Pulau, Kepong, Panti, Matang, Kulim-Bandar Bahru, Ulu Trengganu, Kota Melaka, Petaling, Baling dan Menglembu yang telah menyuarakan sokongan penuh mereka terhadap Rang Undang-undang tersebut dan juga sokongan mereka terhadap perjuangan rakyat Palestine.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling ada menyentuh tentang apa yang dikatakan kelewatan bagi pihak Kerajaan mengambil langkah untuk mengiktiraf ataupun memberi taraf diplomatik penuh kepada PLO. PLO telah tertubuh dalam tahun 1964 dan pada 26hb April 1969, Kerajaan Malaysia telah membenarkan Al-Fatah membuka pejabatnya di Kuala Lumpur dan seterusnya dalam tahun 1974 Kerajaan telah menaikan taraf Pejabat Al-Fatah itu kepada Pejabat PLO.

Apa yang anih di sini ialah tatkala parti Ahli Yang Berhormat itu iaitu Parti PAS berada di dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu, dalam ingatan saya tidak ada sebarang inisiatif atau langkah oleh PAS selaku anggota Kerajaan tatkala itu untuk meningkatkan hubungan Malaysia dengan PLO. Mungkin tatkala itu PAS sama ada memikirkan ini tidak perlu ataupun mereka tidak mengambil berat langsung tentang masalah PLO dan orang-orang Palestine. Sebaliknya semalam Ahli Yang Berhormat dari Baling yang datang dari PAS juga bertanya, kenapa langkah yang dibuat oleh Kerajaan sekarang ini begitu lambat seolah-olah memberi gambaran bahawa Ahli Yang Berhormat dari Baling itu sendiri tidak bersetuju ataupun mempersoalkan ketiadaan usaha oleh PAS sendiri tatkala berada di dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Mungkin lebih tepat untuk beliau menimbulkan soalan ini lebih dahulu kepada parti beliau sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan penuh yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ke atas pindaan Akta ini pada himat saya merupakan satu sumbangan yang paling bermakna oleh Malaysia kepada PLO dan rakyat Palestine yang telah lama tertindas, mengalami kesangsaraan sama ada jasmani ataupun rohani dan dipaksa berperang dan berkorban, tetapi tetap berpegang teguh kepada kebenaran dan keadilan dan hak-hak mereka. Pendek kata perjuangan rakyat Palestine ialah perjuangan untuk mencapai kebenaran dan keadilan.

Sokongan penuh Dewan yang mulia ini ke atas Rang Undang-undang yang dibentangkan sepenuhnya merupakan satu petanda yang

jelas bahawa Dewan yang mulia ini menyokong hak-hak asasi rakyat Palestine dan perjuangan PLO yang sebenarnya.

Perbahasan kelmarin dan sebentar tadi juga menunjukkan dengan jelasnya bahawa PLO sebenar-benarnya berpegang teguh kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tidak seperti sikap Israel. Namun demikian, kita sedar bahawa ada beberapa anggota Bangsa-bangsa Bersatu hanya memberi janji-janji mulut sahaja terhadap Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi pada hakikatnya bertindak secara tidak adil terhadap satu rakyat dan wilayah yang diwakili oleh PLO itu. Seterusnya pula Israel telah membalas tindakan Bangsa-bangsa Bersatu dengan menubuhkan negara Israel itu dengan menunjukkan sikap bongkaknya, dengan tidak mematuhi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa. Tindak-tanduk Israel tidak mahu bertolak-ansur dan tidak mahu menghormati undang-undang antarabangsa adalah menjadi pengetahuan ramai. Dengan sokongan yang diterima daripada penyokong-penyokongnya, Israel telah melanggar semua norma-norma dan peraturan-peraturan mengenai hubungan antara negara. Tindakan Israel menyerang Lebanon dan reactor nuclear Iraq baru-baru ini adalah merupakan sebahagian daripada contoh-contoh tidak menghormati Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, media-massa barat telah sengaja menggambarkan bahawa PLO dan rakyat Palestine adalah pengganas di bawah masalah Palestine dan masalah orang-orang pelarian. Ini adalah tidak benar dan merupakan satu cubaan untuk Israel dan penyokong-penyokongnya untuk menghalalkan tindak-tanduk Israel yang jahat itu. Kita jarang diberitahu bahawa sebenarnya lebih daripada 4 juta rakyat Palestine telah dihalau keluar dari tanahair mereka dan dipaksa hidup sebagai orang-orang pelarian dan begitu juga kita jarang diberitahu bahawa di antara orang-orang Palestine ini terdapat para artis, doktor, professor dan peniaga-peniaga yang berjaya.

Begitu juga kita tidak sedar bahawa PLO pada hari ini merupakan satu daripada

institusi yang paling demokratik di dunia dan mempunyai Parlimennya sendiri yang dipanggil Palestinian National Council yang dianggotai oleh lebih daripada 300 orang ahli yang dipilih dari berbagai-bagai bidang. PLO juga mempunyai satu kabinet yang dipanggil Executive Committee dengan 15 orang anggota dan suatu Majlis Pusat (Central Council) seramai 55 orang anggota yang bersidang beberapa kali dalam setahun. PLO juga mengelolakan sekolah-sekolah, Persatuan Palang Merah, Institusi Kebajikan Masyarakat, hospital-hospital dan lain-lain. Tujuan saya menyebutkan ini semua ialah untuk menggambarkan bahawa PLO ialah sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab seperti juga pergerakan nasionalis yang lain di Asia dan Afrika yang telah mencapai kemerdekaan dalam masa 40 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan hakikat tersebut di atas dan juga fakta-fakta yang terkandung di dalam kenyataan saya kelmarin, Kerajaan Malaysia berpendirian teguh bahawa hak-hak asasi dan nasional rakyat Palestine adalah soal pokok di dalam pertikaian Asia Barat. Berdasarkan sebab-sebab ini juga Malaysia telah mengambil pendirian tegas di forum-foram antarabangsa bahawa sebarang penyelesaian yang tidak mengakui hak-hak rakyat Palestine dan tidak meliputi PLO sebagai wakil sah dan tunggal rakyat Palestine tidak akan berkekalan. Pendek kata prinsip-prinsip hak-hak kemanusiaan dan nasional yang terkandung di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mestilah diiktiraf dan dilaksanakan. Dalam konteks ini sebarang kompromi tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menjawab setengah daripada soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang soal mengapa kita tidak memberikan taraf diplomatik kepada wakil PLO di negara kita awal-awal lagi seperti yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Perlu diingatkan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa PLO hanya ditubuhkan pada tahun 1964 dan dianya mengambil masa untuk mengukuhkan pergerakannya dan memulakan fungsi diplomatiknya. Buat beberapa tahun PLO telah menumpukan

perhatiannya kepada hal-hal mengukuhkan kedudukannya sendiri dan memajukan perkembangan institutional antara rakyat Palestine sendiri, PLO hanya memerlukan usaha untuk mendapatkan pengiktirafan diplomatik baru-baru ini sahaja. Bagaimanapun saya ingin menegaskan di sini bahawa keputusan Kerajaan memberi taraf diplomatik penuh kepada wakil PLO di Malaysia ialah untuk menyelaraskan atau dengan izin "regularise" apa yang kita telah buat selama ini untuk membantu perjuangan Palestine.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan soal memberi bantuan kepada PLO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia ialah negara bukan Arab yang pertama memberi bantuan kepada PLO. Dalam tahun 1969 kita telah memberi kepada kumpulan Al-Fattah iaitu salah satu kumpulan yang terbesar di dalam PLO, sebuah pejabat di Kuala Lumpur. Semenjak tahun 1969 Kerajaan telah memberi sebuah rumah untuk kegunaan mereka, sebuah kereta juga diberi kepada wakil Al-Fattah atau PLO dan Kerajaan telah menanggung belanja elektrik dan air di Pejabat PLO di Kuala Lumpur. Kerajaan juga telah membantu PLO dalam usaha pungutan derma daripada orang-orang awam di Malaysia untuk tujuan perjuangan PLO.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bantuan wang seperti berikut telah diberi kepada PLO. Pada bulan Mac, 1971 dan Yang Berhormat Tuan Speaker sendiri tatkala itu selaku Setiausaha Agung Jawatankuasa membantu Palestine telah menyampaikan bantuan wang sebanyak \$50,000 wang Malaysia kepada Al-Fattah.

Pada bulan September, 1972, Yang Teramat Mulia Tuanku Abdul Rahman Putra Al-haj telah menyampaikan kepada Yasser Arafat, Pengerusi PLO wang sebanyak \$90,000 dan pada 21hb Ogos, 1978 wang sebanyak \$108,000 telah disampaikan kepada PLO melalui pertubuhan Persidangan Islam oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Ahmad Rithauddeen sebagai hasil pungutan dari pengeluaran stem hari Palestine di Malaysia.

Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kemaman telah membangkitkan soal bantuan kewangan kepada UNHCR atau Pertubuhan

Orang-orang Perlarian Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu orang-orang pelarian Palestine. Untuk makluman Dewan yang mulia ini semenjak merdeka Malaysia telah memberi sumbangan tahunan kepada United Nations Relief and Work Agency (UNRWA) untuk membantu orang-orang pelarian Palestine di kemah-kemah UNRWA di Asia Barat. Sumbangan tahunan kita kepada UNRWA sekarang ialah sebanyak US\$5,000.

Mengenai syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti agar Malaysia memberi biasiswa kepada kanak-kanak Palestine, saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan kita memang ada membantu keperluan-keperluan pendidikan kanak-kanak Palestine melalui Tabung Perpaduan Islam di bawah anjuran Pertubuhan Persidangan Islam dan sumbangan kita setakat hari ini ialah sebanyak US\$10,000. Kerajaan juga telah meluluskan sumbangan tambahan sebanyak US\$15,000 kepada Tabung Perpaduan Islam. Bagaimanapun, Kerajaan akan menimbang untuk memberikan biasiswa secara langsung kepada penuntut-penuntut Palestine sekiranya PLO membuat permintaan yang sedemikian. Dalam hal ini kita telahpun membuat persetujuan untuk membantu kesemua negara yang sedang membangun di dalam pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam dalam mana PLO juga ialah satu ahli penuh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, sokongan moral dan kewangan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestine dan PLO bukanlah satu perkara baru tetapi satu perkara yang memang lama kita amalkan. Semenjak merdeka Malaysia telah memutuskan supaya tidak mengadakan sebarang hubungan dengan Israel sama ada hubungan politik, ekonomi, kebudayaan atau apa jenis bentuk hubungan sekalipun. Semenjak berlakunya tindakan hina Israel memusnahkan Masjid Al-Aqsa yang suci itu dalam tahun 1969, kita di Malaysia semenjak 13 tahun yang lalu tidak pernah ketinggalan memperingati Hari Al-Aqsa yang jatuh pada 21hb Ogos, sebagai satu tanda perpaduan kita dengan umat Islam di serata dunia dalam usahanya untuk mendapat kembali tanah suci Baitul-Muqaddis. Begitu juga semenjak tahun 1975 dengan

tertubuhnya Committee on the exercise of the inalienable rights of the Palestinian people oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia telah dipilih menganggotai Jawatankuasa ini. Semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Islam Kedua Belas di Baghdad baru-baru ini Malaysia telah juga dipilih menjadi anggota satu Jawatankuasa untuk mencari jalan bagi memastikan pelaksanaan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai soal hak-hak asasi rakyat Palestine. Anggota-anggota lain di dalam Jawatankuasa ini ialah Pakistan, Senegal, Guinea dan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Palestine dan PLO khususnya dan Pertubuhan Persidangan Islam dan pergerakan Negara-negara Berkecuali amnya sangat-sangat memandang tinggi kepada sokongan kita yang tegas dan jujur terhadap perjuangan rakyat Palestine dan PLO. Ini merupakan satu penghormatan kepada Malaysia, sebuah negara kecil yang mempunyai rakyat berbilang ugama dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan tegas kita terhadap rakyat Palestine dan PLO bukanlah satu keputusan yang dibuat berdasarkan emosi tetapi berdasarkan pendirian kita yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa seperti yang diterangkan tadi terlebih dahulu dan juga pada kelmarin.

Malaysia juga tidak percaya kepada penggunaan tektik-tektik melaung-laungkan cogankata-cogankata kosong apabila menyuarakan perjuangan rakyat Palestine yang mulia itu. Kita telah menunjukkan melalui tindakan dan kenyataan kita bahawa kita adalah jujur dan ikhlas dalam menyokong perjuangan rakyat Palestine dan PLO itu. Seperti yang dijelaskan lebih awal keputusan Kerajaan memberi taraf diplomatik penuh kepada wakil dan pejabat PLO di Kuala Lumpur ialah untuk mengregularisekan apa yang telahpun dilakukan oleh Kerajaan kita selama ini. Pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan pada ketika yang dipilih itu adalah untuk memberikan kesan maksima kepada masyarakat antarabangsa terutama sekali

penyokong-penyokong Israel bahawa keamanan dan kestabilan di Asia Barat hanya boleh dicapai dengan menerima penyertaan PLO atas dasar sama setaraf.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Malaysia pada masa yang tertentu itu telah mendorong dunia barat untuk menimbang semula betapa pentingnya melibatkan PLO di sebarang perundingan untuk menyelesaikan konflik Asia Barat lebih-lebih lagi apabila dunia barat sedar bahawa pendirian Malaysia mengenai isu-isu antarabangsa sentiasa jujur dan positif. Yang demikian pengumuman kita pada masa yang tertentu itu telah membawa kesan positif kepada PLO dan rakyat Palestine. Pengumuman itu juga sangat-sangat dihargai oleh PLO.

Selepas Malaysia mengumumkan hasrat kita untuk memberi taraf diplomatik penuh kepada PLO sekarang diketahui pula bahawa bekas-bekas Presiden Amerika Syarikat iaitu Carter dan Ford sekarang ini menyeru Amerika supaya mengadakan dialog ataupun hubungan terus dengan PLO sedangkan sebelum ini mereka tidak langsung mengakui wujudnya PLO.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Menglembu telah membangkitkan soal memberi taraf diplomatik penuh kepada Kerajaan campuran Kampuchea dan pejuang-pejuang kebebasan Afghanistan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah ditujukan kepada non-sovereign identity seperti PLO yang tidak tertakluk di bawah Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 yang ada sekarang. Afghanistan dan Kampuchea sebagai negara-negara berdaulat adalah tertakluk di bawah Akta tersebut. Yang sedemikian saya berpendapat tidak ada kaitan di antara perbahasan Rang Undang-undang ini dengan keadaan di Afghanistan dan Kampuchea seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Menglembu tadi. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, perlu ini saya terangkan.

Pendirian Malaysia ke atas keadaan di Afghanistan dan Kampuchea adalah jelas, tegas dan diketahui ramai. Lagi pun kita tidak mengiktiraf rejim boneka Heng Samrin dan

Babak Karmal. Sebaliknya kita mengangap mereka sebagai rejim yang tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan soal pemberian taraf diplomatik penuh kepada entiti politik yang lain seperti pergerakan pembebasan yang mewakili kumpulan minoriti. Kerajaan mempunyai kriteria yang tertentu sebelum menimbangkan pemberian taraf diplomatik penuh kepada mana-mana badan entiti politik. Bagaimanapun buat masa sekarang saya tidak nampak adanya lain-lain entiti politik yang sama keadaannya dengan PLO. Sebenarnya, kita tidak boleh membuat perbandingan tentang keadaan PLO dan lain-lain pergerakan pembebasan yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Keadaan-keadaan mereka adalah berlainan sekali dan yang demikian tidaklah boleh dibuat perbandingan yang bererti. PLO sedang berjuang untuk mendapat hak menentukan nasibnya sendiri untuk Palestine dan mendapat kembali tanahairnya manakala tidak dapat dinafikan bahawa soal pergerakan minoriti merupakan soal dalam negeri negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar Kerajaan kita yang selama ini diamalkan dan akan terus diamalkan masalah pergerakan minoriti adalah masalah-masalah Kerajaan negara berkenaan dan masalah ini hendaklah diselesaikan dalam konteks kedaulatan dan keutuhan wilayah negara-negara berkenaan.

Pendirian yang sama juga dipegang oleh pergerakan negara-negara berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam. Tambahan pula Malaysia memberikan perhatian istimewa kepada semua prinsip asas perhubungan antarabangsa termasuk hubungan antara negara. Kita sentiasa berpendapat bahawa ketidakpatuhan prinsip-prinsip asas ini telah mengakibatkan perselisihan di antara negara-negara yang sedang membangun dan seterusnya memberi peluang kepada kuasa-kuasa besar untuk mengeksploitasikan mereka. Yang demikian kita sepatutnya tidak dijadikan mangsa kepada kuasa-kuasa luar yang memang suka melihat pergaduhan di kalangan negara-negara yang sedang membangun dan kemudiannya mengeksploitasikan kedudukan

kacau-bilau itu untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu dan Kota Melaka juga ada menimbulkan soal penyalahgunaan keistimewaan yang diberi kepada anggota-anggota diplomatik yang berada di negara kita ini. Kegiatan-kegiatan yang boleh dikatakan merupakan satu penyalahgunaan keistimewaan ini mungkin didorong oleh kepentingan politik, ideologi, ekonomi dan sebagainya. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal yang terdapat di dalam Akta yang tersedia adalah mencukupi untuk memberi kuasa kepada Malaysia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya jikalau ini berlaku. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sepertimana yang telah kita ambil baru-baru ini jikalau kita dapati ada penyalahgunaan hak-hak keistimewaan yang diberi kepada anggota-anggota diplomatik ini. Kawalan ini terdapat di dalam Akta yang tersedia ada iaitu di Fasal 4 dan Fasal 5.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, saya ingin membaca fasal yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** (*Dengan izin*).

"4 (1). If it appears to the Yang di-Pertuan Agong that the privileges and immunities accorded to a Mission of the Federation in the territory of any state or to persons connected with that Mission are less than those conferred by this Act on Mission of that State or of persons connected with that Mission the Yang di-Pertuan Agong may by an order publish in the *Gazette* withdraw such of the privileges and immunities so conferred from the Mission of that State or from such persons connected with it as appears to him to be proper".

Fasal 5 berbunyi:

"5. If in any proceedings any question arises whether or not any person is entitled to any privilege or immunity under this Act, a certificate issued by or under the authority of the Minister stating any fact relating to that question shall be conclusive evidence of that fact".

Di antara langkah-langkah yang boleh kita ambil, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti apa yang kita lakukan baru-baru ini ialah memberi taraf *persona non grata* umpamanya kepada anggota-anggota diplomatik yang menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, buat kesimpulannya dasar kita memberi bantuan moral dan kebendaan kepada perjuangan rakyat Palestine dan PLO merupakan satu dasar yang sudah lama diamalkan oleh kita, lagi pun pendirian kita terhadap PLO dan masalah Palestine adalah satu pendirian yang difikirkan sehalus-halusnya berdasarkan keadilan dan kebenaran. Sebenarnya pada masa-masa yang lepas Kerajaan telahpun menjemput Pengerusi PLO Encik Yasser Arafat supaya melakukan lawatan rasmi ke Malaysia dan beliau telahpun menyatakan hasratnya hendak berbuat demikian. Sebenarnya, Encik Yasser Arafat dikenali secara peribadi oleh pemimpin-pemimpin kita yang dahulu dan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan kita mengambil langkah yang selanjutnya dalam hubungan kita dengan PLO maka inilah diadakan pindaan ke atas Akta yang sedang dibahaskan sekarang. Saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran mereka yang membina serta mengambil bahasan dalam perbahasan pindaan ke atas Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.50 ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini sebenarnya adalah pindaan kecil untuk mengemaskinikan undang-undang yang berhubung dengan rayuan-rayuan ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Yang di-Pertuan Agong. Pindaan-pindaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (1) Inflasi;
- (2) Akibat daripada pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada undang-undang lain yang berkaitan;
- (3) Mengelakkan embarrassment kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi;
- (4) Menjelaskan kedudukan yang kurang jelas; dan
- (5) Mengurangkan rayuan-rayuan yang tidak berbasas.

Pindaan kepada Seksyen 28 (1) di mana amaun minima bagi sesuatu kes civil yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rendah boleh dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dinaikkan daripada \$500 kepada \$5,000 adalah disebabkan oleh inflasi.

Semenjak beberapa tahun dahulu seperti semua ketahu harga barang-barang dan sara hidup jua telah bertambah mahal. Amaun \$500 yang telah ditetapkan dalam tahun 1975

itu adalah difikirkan terlalu rendah pada masa ini. Amaun \$5,000 ini adalah buat masa ini difikirkan munasabah dan berpatutan. Sementara itu bidangkuasa Majistret Kelas I telahpun dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$10,000 dalam tahun 1978. Pindaan ini akan mengurangkan bilangan kes-kes yang tidak sepatutnya dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi supaya tidak akan berpanjangan. Ini juga akan mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah Tinggi yang sekarang sudahpun mempunyai banyak kerja.

Pindaan kepada Seksyen-seksyen 68 (1) (a) dan 74 (1) (a) (i) juga mempunyai tujuan yang sama.

Seksyen 68 (1) (a) adalah berkenaan dengan rayuan civil daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan. Amaun minima pada masa ini ialah \$2,500. Adalah dicadangkan bahawa ianya dinaikkan kepada \$10,000.

Seksyen 74 (1) (a) (i) pula adalah berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong. Adalah dicadangkan supaya amaun minima dinaikkan daripada \$25,000 kepada \$100,000. Dengan ini tidaklah terlalu banyak kes-kes yang diappeal kepada Mahkamah Persekutuan dan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan Seksyen 50 (1) adalah akibat daripada pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 yang telah berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1978. Akibat pindaan tersebut Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dengan kuasa-kuasa khas telah dihapuskan. Oleh itu sebarang rujukan kepadanya patutlah dihapuskan.

Berhubung dengan pindaan kepada Seksyen 66 (1) pula, pada masa ini soal sama ada permohonan untuk merujuk apa-apa masalah undang-undang mengenai kepentingan awam ke Mahkamah Persekutuan atau tidak diputuskan oleh Hakim yang mendengar kes itu sendiri. Ini kerap kali menyebabkan embarrassment kepada Hakim-hakim tersebut. Yang demikian, adalah difikirkan bahawa kuasa memutuskan sama ada patut atau tidak sesuatu masalah itu dirujuk kepada

Mahkamah Persekutuan wajar berada dalam bidangkuasa Mahkamah Persekutuan sendiri. Sebahagian daripada pindaan kecil seksyen ini adalah disebabkan oleh pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 yang disebutkan lebih awal itu.

Perkataan 'interlocutory' yang terdapat dalam Seksyen 68 (2) telah menimbulkan dua tafsiran yang bertentangan. Kekeliruan ini boleh diatasi dengan memotong perkataan tersebut. Oleh sebab itulah maka pindaan kepada Seksyen 68 (2) dicadangkan.

Akhir sekali saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap pindaan kepada seksyen 74 (1) (a) (ii). Dengan dimasukkan peruntukan yang dicadangkan ini maka rayuan-rayuan Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes yang hanya melibatkan alasan-alasan fakta (factual grounds) sahaja akan dapat disekat. Adalah menjadi amalan Mahkamah rayuan untuk tidak campurtangan dalam soal finding of facts Mahkamah di bawahnya. Oleh itu rayuan-rayuan seperti itu kerap kali menyebabkan kelambatan dalam menyelesaikan kes-kes di samping merugikan perbelanjaan dan merugikan masa.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ini ialah suatu Akta bernama Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

*5.00 ptg.*

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Apa yang kita sedang bincangkan adalah mengenai soal memperbaiki kewibawaan dan juga kebajikan suatu bidang yang menjadi teras pentadbiran kita. Sebagaimana yang kita

tahu sistem pentadbiran negara kita berteraskan kepada 3 perkara, iaitu:

- (1) Legislature (Parlimen);
- (2) Pentadbiran sendiri (Eksekutif);
- (3) Kehakiman (Judiciary)

Jadi memanglah kadangkala kita tidak begitu mengambil berat mengenai bidang yang ketiga ini sungguhpun ianya menjadi satu teras yang penting dalam menjaga kebajikan rakyat kita ini.

Kita selepas merdeka memanglah telah bulat-bulat lebih kurang menerima sistem pentadbiran ala Westminster, dengan izin, separation of powersnya dan pada masa itu tidaklah begitu susah, begitu musykil untuk kita mengadakan sistem legislature kita, iaitu dengan Dewan Rakyat, Dewan Negara dan sebagainya tetapi memanglah kita telahpun menghadapi berbagai-bagai masalah mengenai pentadbiran eksekutif kita, malah untuk beberapa tahun selepas kemerdekaan, hampir 5 tahun, kebanyakan Pegawai-pegawai Kanan kita memang terdiri dari pegawai-pegawai expatriate sambil kita menunggu untuk melatih pegawai-pegawai kita sendiri untuk mengambil alih dari pegawai-pegawai expatriate ini yang pada masa itu banyak mengetuai berbagai-bagai Jabatan dan juga Kementerian.

Dalam bidang kehakiman (judiciary) kita perkara kait-mengaitnya kita dengan United Kingdom agaknya lebih lama lagi, malah sehingga sekarang pun selepas 24 tahun kita merdeka masih kita sampaikan appeal kita kepada Privy Council yang duduk di United Kingdom sana.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita tahu bahawasanya dalam bidang kehakiman (judiciary) memanglah kita perlu berhati-hati dalam soal untuk memindah sekali gus segala-galanya balik ke dalam negeri sebab keadilan ini adalah begitu penting dari segi kebajikan rakyat, namun demikian saya rasa terkilan sedikit kenapakah selepas 24 tahun kita merdeka masih kita terpaksa menyampaikan appeal kita dalam setengah-setengah bidang, dalam civil law misalnya ke Privy Council, masih lagi.

Saya bawa perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kepada seksyen 6 kalau tak silap saya, di mana sungguhpun ada . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Seksyen 6, Akta ibu?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Iaitu mengenai appeal kepada Judicial Committee.

**Tuan Yang di-Pertua:** 66!

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Seksyen 6, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini tidaklah patut digalakkan. Saya rasa sudahlah sampai masanya kita patut mengambil tindakan terus-menerus untuk membatalkan langsung segala jenis appeal kepada Privy Council. Saya rasa hakim-hakim kita sudahpun cukup matang dan cukup berpengalaman untuk menghakimkan segala kes-kes sivil juga dalam negeri kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maafkan saya. Fasal 6 tak ada kena-mengena dengan ini. Kalau tak ingat, tak apalah.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya tak ingat tetapi cuma secara umum yang lebih saya pentingkan, sistem kehakiman kita membenarkan appeal kepada Privy Council. Saya rasa terkilan sedikit selepas 25 tahun kita masih membenarkan perkara ini. Saya rasa sudahlah sampai masanya Kerajaan dengan seriusnya memikirkan supaya memutuskan langsung sama sekali hubungan kita dengan Privy Council United Kingdom. Saya rasa hakim-hakim di United Kingdom tidak lagi mengetahui keadaan yang terdapat di Malaysia sekarang ini dan saya rasa yang lebih arif untuk mengetahui keadaan dan suasana yang terdapat di Malaysia ini adalah hakim-hakim kita sendiri yang mana saya rasa sudahpun cukup pengalaman dan juga cukup kematangan untuk menghakimkan segala kes-kes yang terdapat dalam Malaysia ini.

Dalam Federal Court sebagaimana kita tahu kadang-kadang Hakim yang boleh membicarakannya adalah terdiri 3 sehingga 5 Hakim. Saya rasa di antara mereka sudah cukup untuk menjamin keadilan dalam negara kita. Kalaulah terdapat sesuatu kes yang agak complex dan sebagainya dan biasanya dalam

kes-kes sivil kalau kes itu terlalu complex, maka sudah tentu ini adalah merupakan kes-kes perdagangan, insuran dan sebagainya. Ini adalah kes-kes yang melibatkan orang-orang yang berada. Saya rasa tidak ada halangan untuk orang-orang ini atau kumpulan-kumpulan atau syarikat-syarikat yang berkenaan untuk membawa masuk ataupun untuk mengadakan khidmat Queen's Counsel dan sebagainya dari United Kingdom boleh bawa masuk ke mahkamah kita, dengan izin Kerajaan kita, dengan izin sistem kehakiman kita untuk memberi hujah-hujah mereka dalam mahkamah kita sendiri.

Saya inginlah menggesa Kerajaan supaya mengambil tindakan-tindakan yang perlu secepat mungkin supaya memutuskan langsung hubungan kita dengan Privy Council. Selepas 24 tahun kita merdeka saya rasa sudahlah sampai masanya kehakiman kita ini bebas dari kongkongan ataupun tunjuk ajar dari United Kingdom yang saya rasa mereka di sana pun tidak lagi tahu mengenai keadaan yang terdapat dalam Malaysia ini.

Perkara yang kedua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa salah satu sebab yang terdapat masalah-masalah yang banyak timbul adalah oleh sebab kekurangan kakitangan dalam Jabatan Kehakiman kita, kekurangan Mejistret, kekurangan Presidents, Sessions Court, kekurangan kakitangan Perkeranian yang berpengalaman dan sebagainya. Saya rasa sudahlah sampai masanya juga bagi pihak Kerajaan dan juga Kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan berani supaya memperbanyakkan kakitangan di segala peringkat supaya Jabatan Kehakiman kita dan juga sistem kehakiman kita, sistem mahkamah kita dapat berjalan dengan lebih teratur dan licin.

Dalam hubungan ini, kita telahpun mendengar tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan dan sebagainya dalam mahkamah kita. Dalam hubungan ini supaya latihan dalam bidang kehakiman ini lebih tepat lagi dengan keadaan suasana yang terdapat dalam Malaysia, saya rasa Fakulti Undang-undang di Universiti Kebangsaan haruslah diperbesarkan supaya kita tidak

perlu lagi lama kelamaan menghantar penuntut-penuntut kita untuk belajar undang-undang di luar negeri. Saya rasa kita sudahpun mempunyai orang-orang yang mahir dalam bidang undang-undang dan juga mahir dalam Bahasa Kebangsaan, khasnya dalam undang-undang ini untuk mengajar di Universiti Kebangsaan.

Saya difahamkan pada masa ini Fakulti Undang-undang hanya mengambil lebih kurang 200 atau 300 orang sahaja pada tiap-tiap tahun. Saya tidak nampak kenapakah angka ini tidak dapat diperluaskan sehingga 500 ataupun 1,000 orang sekali gus sedangkan kita terpaksa membiayai sebanyak \$2,000 untuk seorang penuntut untuk menghantarnya belajar undang-undang di United Kingdom, misalnya. Di United Kingdom saya dapati pada masa ini untuk menghantar seorang penuntut di sana mempelajari undang-undang ia memerlukan perbelanjaan sebanyak \$2,000 sedangkan kalau penuntut-penuntut ini dapat dilatih di Malaysia sendiri dengan wang itu kita boleh melatih hampir 3 orang, misalnya. Jadi saya rasa sudahlah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan juga mengenai perkara ini.

Perkara yang ketiga, dalam melicinkan lagi perjalanan sistem kehakiman kita, Kerajaan harus juga memberi perhatian mengenai mahkamah-mahkamah kita di daerah-daerah khasnya. Kadang kala terdapat Dewan-dewan Mahkamah misalnya terlalu buruk dan tidak layak menjadi tempat mengadakan keadilan. Kadang-kadang kerusi mejanya begitu buruk, entah kenapa, sungguhpun bidang kehakiman, bidang mahkamah ini adalah satu institusi yang begitu penting tetapi tindakan tidak langsung diambil atau sedikit sahaja diambil untuk memperbaiki suasana supaya ianya benar-benar mencerminkan bahawa Malaysia ini mementingkan keadilan.

Sekianlah sahaja sedikit sebanyak pandangan saya untuk menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

*5.11 ptg.*

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan

Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi, saya ingin menyentuh beberapa perkara, terutama sekali yang saya ingin sentuh ialah masalah penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan kita yang telahpun mengambil langkah tertentu bagi memastikan supaya Bahasa Malaysia digunakan di dalam mana-mana perbicaraan di mahkamah kita. Arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan telah pun dikuatkuasakan baru-baru ini supaya Bahasa Malaysia digunakan dalam perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Rendah adalah dialu-alukan. Tahniah sekali lagi saya ucapkan. Dan arahan ini telah menunjukkan kepada kita bahawa betapa seriusnya Kerajaan kita terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah di dalam negara kita ini dan reaksi oleh peguam-peguam terhadap arahan ini amatlah menggalakkan. Mereka telah menunjukkan kesediaan mereka untuk mematuhi arahan ini. Sungguhpun buat pada permulaannya mungkin kesulitan timbul berhubung dengan beberapa istilah undang-undang, tetapi masalah ini saya percaya dari masa ke semasa akan dapat diatasi. Bak kata pepatah: alah bisa, tegal biasa (practice makes perfect). Jika sekiranya peguam-peguam dan pegawai-pegawai kehakiman kita sentiasa melatih diri mereka menggunakan Bahasa Malaysia di Mahkamah, saya percaya tidak akan menjadi canggung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Majlis Peguam hendak mengadakan kursus Bahasa Malaysia jangka pendek sebagaimana yang dinyatakan oleh Presidennya di dalam akhbar-akhbar tempatan dua tiga hari lepas adalah menunjukkan kepada kita bahawa kesediaan peguam-peguam kita mematuhi arahan tersebut. Ini adalah merupakan satu petanda yang baik dan kesediaan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memberi bantuan dan kerjasama yang diperlukan oleh Majlis Peguam ini adalah merupakan juga satu pertanda yang baik ke arah menuju kepada penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di mahkamah-mahkamah dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar Kerajaan kita mestilah bersikap tegas dan janganlah bertolak ansor lagi di dalam masalah penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Saya juga berharap agar Kerajaan kita janganlah melayani sebarang rayuan yang dibuat oleh mana-mana pihak semasa kuatkuasa arahan ini sedang berjalan. Masa dan ketikanya telahpun sampai, malahan kita telahpun terlewat jika hendak dibandingkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam bidang-bidang yang lain, sejak tahun 1967 apabila Akta Bahasa Kebangsaan diwujudkan. Kita dapati bahawa Bahasa Malaysia telah digunakan dengan meluasnya dalam bidang-bidang lain terutama sekali di dalam bidang pelajaran di mana kita dapati bahawa pada hari ini pelajaran di peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya. Jadi saya berharap agar Kerajaan kita janganlah bertolak ansor lagi dalam masalah penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah masalah kesediaan ataupun sikap pegawai-pegawai kehakiman kita sendiri terhadap penggunaan Bahasa Malaysia ini. Adakah mereka ini bersedia ataupun tidak. Embarrasment mungkin berlaku jika sekiranya peguam-peguam bertutur dalam Bahasa Malaysia tetapi pegawai-pegawai kehakiman kita masih lagi bertutur dalam bahasa Inggeris.

Saya berharap Kerajaan akan mengawasi perkara ini, takut-takut kita sendiri akan ditempelak oleh orang lain. Bak kata pepatah: Ketam mengajar anak berjalan betul, tetapi dia sendiri berjalan tidak betul. Oleh yang demikian saya berharap kita hendaklah memperbetulkan perjalanan kita dahulu sebelum mengarahkan orang lain berjalan dengan betul dalam masalah penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah ini. Oleh itu, saya mencadangkan agar Kerajaan kita mengambil langkah segera untuk memberi kursus Bahasa Malaysia kepada mereka ini, kepada pegawai-pegawai kehakiman kita, sama ada kursus jangka pendek ataupun jangka panjang, terutama sekali kepada pegawai-pegawai kehakiman kita yang baru

sahaja diambil bertugas. Dalam hubungan ini, saya cadangkan supaya Institut Tadbiran Awam (INTAN) hendaklah dipergunakan sebagai tempat kursus di mana pegawai-pegawai kehakiman kita hendaklah dihantar ke sana dengan cara berkala misalnya dan kita boleh ambil pakar undang-undang tempatan ataupun pensyarah-pensyarah tempatan yang mahir dalam istilah undang-undang dalam Bahasa Malaysia sebagai tenaga pengajar dalam kursus ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mengingatkan sahaja iaitu bila menyebut pegawai kehakiman, saya tak tahu apa maksudnya, kerana tak ada pegawai seumpama itu tetapi jika cuba merendahkan kebolehan atau seumpamanya kepada para hakim, kalau itulah maksudnya, jagalah baik sedikit kerana menurut Peraturan Mesyuarat 36 (8) tak boleh dibuat begitu, melainkan ada usul khas. Saya mengingatkan sahaja, belum ada yang melanggar lagi.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali yang saya ingin sentuh di sini ialah pada hari ini sungguhpun kita telahpun mencapai kemerdekaan semenjak 24 tahun yang lalu, kita masih dapati lagi bahawa pakaian yang dipakai di atas kepala oleh pegawai-pegawai kehakiman masih lagi bercorak colonial. Apa yang saya maksudkan di sini ialah pakaian wig, jadi seolah-olah kita berada di dalam sebuah mahkamah di London, tidak menunjukkan keperibadian negara kita Malaysia sedikit pun. Oleh yang demikian, saya cadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera membuat arahan supaya semua pegawai-pegawai kehakiman memakai songkok misalnya apabila menjalankan percicaraan.

Adalah agak canggung apabila kita dapati di dalam sebuah mahkamah bahasa yang digunakan Bahasa Malaysia tetapi pakaian yang dipakai di atas kepala adalah bukan berasal ataupun bercorak Malaysia. Saya rasa tidak ada sama sekali. Saya percaya dengan memakai songkok di kepala tidak akan mencatatkan perjalanan mahkamah dan juga saya percaya kemuliaan mahkamah tidak akan tercemar dan tidak akan juga menjejaskan pelaksanaan undang-undang. Jadi, demi untuk benar-benar mewujudkan

identiti negara kita, saya berharap Kerajaan kita benar-benar serius memberi perhatian terhadap masalah pakaian yang saya sebutkan tadi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*5.21 ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman, 1964.

Tuan Speaker, saya adalah menyokong bahawa beberapa pindaan telah dicadangkan sepertimana yang telah dihuraikan dalam Huraian Rang Undang-undang ini khasnya mengenai (a), (b), (c) dan (d).

Tuan Speaker, saya fikir sudah sampai masanya bagi kerajaan untuk bertindak memperbaiki structures dan procedures Mahkamah Kehakiman di negara kita sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Pertama, dari segi inflasi, yang kedua, untuk melicinkan pentadbiran pembicaraan di mahkamah-mahkamah yang ada di negara kita, umpamanya dari Mahkamah Rendah sampai ke Mahkamah Tinggi, kemudian kepada Mahkamah Persekutuan. Memang ini adalah merupakan satu corak kehakiman Malaysia yang tersendiri.

Malaysia sebagai negara yang merdeka, tentu kita lebih suka melihat semua kes-kes boleh dibicarakan dalam negara kita, tidak usahlah dirayukan kepada seberang laut sehingga memakan masa yang panjang. Bila sampai masanya, saya fikir Kerajaan perlu bersiap sedia untuk membolehkan kes-kes baik criminal atau civil, bolehlah dibicarakan di tanahair kita sendiri. Tentu sebelum kita bersiap sedia untuk membolehkan kes-kes ini dibicarakan di negara kita, tentu kita perlu bersiap sedia untuk membekalkan lebih banyak lagi pakar-pakar perundangan dalam bidang-bidang yang tertentu dan juga

menambah lebih banyak lagi mahkamah-mahkamah dari peringkat Mahkamah Rendah hingga Mahkamah Persekutuan. Kalau boleh, boleh juga mengubahsuaikan structure atau corak mahkamah kehakiman Malaysia sendiri.

Sungguhpun kita ada mempunyai beberapa peringkat mahkamah dari Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan sehingga boleh dirayu kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi saya fikir beberapa perkara yang saya fikir ada ketinggalan dalam pindaan ini walaupun ini adalah merupakan satu Rang Undang-undang yang mempunyai pindaan yang kecil tetapi perkara yang mustahak perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan ialah bolehkah kita menambah lebih banyak lagi mahkamah-mahkamah di kawasan-kawasan yang tertentu di mana kita dapati banyak kes-kes yang tidak boleh diselesaikan atau dibicarakan dalam masa yang singkat. Kadang-kadang sesuatu kes yang begitu simple akan memakan masa yang panjang hingga dua tiga tahun, kadang-kadang kes insuran umpamanya hingga boleh memakan masa melebihi empat atau lima tahun. Saya fikir ini sudah menunjukkan satu kelemahan yang ada dalam sistem mahkamah kehakiman negara kita. Jika sekiranya ini adalah merupakan satu kerugian terhadap kepentingan orang ramai, saya mencadangkan bahawa Kerajaan boleh cuba menambahkan lebih banyak lagi mahkamah-mahkamah di tiap-tiap negeri atau kawasan-kawasan yang tertentu, jangan masih ada didapati mahkamah yang mempunyai bangunan seperti pasar di Bukit Mertajam di mana saya sendiri pernah menghadiri satu perbincangan, di sana bukan sahaja tidak ada air-condition, lalu lintas sangat sibuk dan bising dan juga facility dan kemudahan di sana nampaknya bukan seperti sebuah bangunan mahkamah tetapi seperti sebuah bilik bacaan.

Saya fikir ini secara langsung atau tidak langsung akan menjejaskan imej dan taraf kewibawaan kehakiman negara kita.

Saya fikir dari aspek ini Kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan untuk memperlengkapkan semua bangunan-bangunan mahkamah yang ada di Malaysia

khasnya Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan supaya ianya boleh memperlihat atau mempertunjukkan keberibadian dan identiti kehakiman negara sendiri, kalau boleh bercorak ke Malaysian. Kalaulah tadi ada seorang dari rakan saya mengatakan ada bercorak kolonial maka Kerajaan sendiri perlu berinisiatif untuk mengubahsuaikan dan memperlengkapkan bangunan mahkamah kita yang lebih bercorak ke Malaysian dan juga lebih bercorak identiti Malaysia sendiri.

Sekarang ini sudah sampai masanya bagi Kerajaan khasnya Menteri Berpotfolio atas perkara ini untuk menitikberatkan, jangan sampai adanya tetamu asing melawat ke Malaysia nampak mahkamah sebagai bilik bacaan atau bangunan mahkamah yang masih ada sekarang sebahagian besarnya masih bercorak kolonial, memang masih ada di seluruh Malaysia hari ini. Saya fikir priority perlulah diberikan.

Pertama, untuk mengubahsuaikan dan memperlengkapkan bangunan mahkamah yang ada di Malaysia yang nampaknya tidak sesuai dengan keadaan sekarang.

Kedua, menambahkan lagi hakim dan kakitangan mahkamah supaya kes-kes yang selalu memakan masa ini boleh diproses dan dibicarakan dan diselesaikan dalam masa yang paling singkat sekali.

Jangan ada satu pandangan yang dianggap pada rakyat Malaysia bahawa sesuatu kes dirujuk ke mahkamah, bolehlah kita goyang kaki, tunggu dua tiga tahun, baru ianya ada mempunyai peluang dibicara atau diperdengarkan di mahkamah yang dianggap sebagai tempat untuk membicarakan keadilan. Saya berharap perkara-perkara yang mustahak ini boleh dipertimbangkan.

Mengenai penggunaan Bahasa Malaysia, saya yakin tidak seorang pun akan menentang bahawa ini adalah sangat mustahak dan juga ianya termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tetapi dari segi praktikal, dari segi kenyataan yang sebenarnya memang ini akan memakan masa yang lebih panjang untuk membolehkan semua peringkat mahkamah yang boleh menggunakan Bahasa Malaysia. Walaupun saya bukan seorang peguam atau ahli dalam bidang perundangan tetapi dari

buku-buku yang saya pernah melihat atau melalui, umpamanya buku-buku dari Indonesia pun masih sangat kekurangan istilah-istilah perundangan yang boleh dianggap sangat popular digunakan atau senang difaham pengertiannya. Kadang-kadang dalam istilah-istilah yang terkandung dalam buku-buku Indonesia—buku undang-undang yang saya maksudkan, masih terkandung banyak perkataan Belanda dan bahasa-bahasa asing. Mungkin Dewan Bahasa dan Pustaka akan memainkan satu peranan yang mustahak bagaimana boleh mengubahsuaikan istilah-istilah perundangan yang boleh digunakan oleh mahkamah kita supaya ianya bukan sahaja boleh senang dipakai juga senang difaham dan digunakan. Bila sampai ke peringkat ini, kita boleh cuba bahawa Bahasa Malaysia ini digunakan di semua peringkat hingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan.

Saya bukan kata ini tidak wajar, memang wajar tetapi kitapun perlu menjaga beberapa sensitivity yang ada di negara kita khasnya pakaian dan lain-lainnya. Walaupun saya tidak berniat untuk menyentuh perkara ini tetapi ini adalah pandangan saya, bukanlah saya cuba mempersoalkan kemampuan Bahasa Malaysia—tidak, kerana dari kenyataan yang sebenarnya, dari pergaulan kita dengan peguam-peguam atau ahli-ahli perundangan di mana pandangan kita adalah diutarakan, saya harap Dewan ini pun boleh mengambil berat, apakah reaksi dan pandangan-pandangan yang sudah dikemukakan tentang penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Ini beberapa masalah perlulah diselesaikan terlebih dahulu.

Tuan Speaker, akhirnya saya perlu sentuh satu perkara yang saya fikir mungkin sudah sampai masanya untuk dipertimbangan oleh Dewan yang mulia ini. Selain daripada kita ada mempunyai Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan untuk membicarakan kes-kes kriminal dan sivil tetapi Malaysia sebagai masyarakat berbilang bangsa dan kaum kalau boleh saya mencadangkan patutlah Kerajaan kita mencadangkan satu Rang Undang-undang dinamakan Bill of Rights untuk membicarakan segala kes yang ada berkaitan dengan hak asasi kemanusiaan.

Bila satu Bill atas hak asasi manusia ini diwujudkan tentu kita perlu mempunyai satu mahkamah yang berfungsi tersendiri untuk membicarakan semua kes yang ada berkaitan dengan pencerobohan hak asasi kemanusiaan iaitu mahkamah hak asasi kemanusiaan.

Saya membangkitkan perkara ini kerana adanya berlaku beberapa kes yang boleh dianggap sudah melanggar hak asasi kemanusiaan baik di bidang pelajaran, ekonomi dan politik supaya mahkamah yang tersendiri yang boleh mempunyai masa dan peluang yang luas untuk membicarakan dan menyelesaikan kes-kes seperti itu, supaya ianya tidak akan ditangguhkan memakan masa beberapa tahun sehingga mungkin menimbulkan emosi atau sentimen yang akan menjejaskan keharmonian dan perpaduan rakyat negara kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini adalah merupakan satu cadangan saya tetapi ini bukan satu perkara yang baru. Sebenarnya ini adalah satu perkara yang telah diamalkan dan dikemukakan di negara-negara maju di mana Rang Undang-undang hak asasi ini juga ada dibentangkan. Saya tidak tahu bolehkah Malaysia mewujudkan satu mahkamah baru yang berfungsi tersendiri untuk membicarakan hanya mengenai perkara khas hak asasi manusia, selain daripada kes sivil dan kriminal yang boleh dibicarakan di Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan sebagainya. Bukanlah saya hendak berniat menyentuh isu hak asasi kemanusiaan di negara kita kerana sudah berlaku kes yang serupa umpamanya satu kes yang sangat typical yang sebenarnya dalam proses percaraan baru-baru ini yang ada berkaitan dengan Universiti Merdeka. Kalau kita ada satu mahkamah yang spesifik fungsinya tentu kes seperti itu boleh diserahkan kepada mahkamah itu dibicarakan di bawah Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.35 *ptg.*

**Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1964. Bagi menyatakan sokongan saya izinkan saya menyatakan beberapa perkara yang saya fikirkan perlu.

Dengan pindaan Seksyen 28 maka rayuan hanya bagi kes sivil yang bernilai \$5,000 ke atas. Pada mulanya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tahun 1964 rayuan hanya boleh dirayukan setakat nilai \$100 dan trend inflasi telahpun naik di tahun 1975 di mana telah dinaikkan amaun itu ke \$500 dan tahun ini pula kita telah naikkan kepada \$5,000 tetapi sungguhpun kita meminda Seksyen 28 (1) ini rayuan boleh juga dirayukan ke Mahkamah Tinggi daripada Mahkamah Rendah berkenaan dengan kes yang kurang daripada \$5,000 atas soal undang-undang (question of law.) Saya berharap Kerajaan akan mengkaji perkara ini supaya question of law pun tidak boleh dirayu supaya kita dapat mengurangkan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Kalau tidak perkara-perkara yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah boleh juga dirayu ke Mahkamah Tinggi atas question of law.

Dengan pindaan Seksyen 66, saya terasa sukacita oleh kerana bukan sahaja peguam-peguam akan mengalu-alukan pindaan ini bahkan para hakim juga oleh kerana hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar kes itu tidak perlu membuat keputusan bahkan kepada Mahkamah Persekutuan. Tetapi bagi selain daripada pendakwa raya Mahkamah Persekutuan hanya boleh membenarkan rayuan atas kepentingan awam cara discretion sahaja tetapi kepada pendakwa raya sebagai hak (rights) yang mana pihak Mahkamah Persekutuan terpaksa membenarkan rayuan itu. Jadi kita membezakan dari segi keadilan iaitu satu pihak boleh, satu pihak lain tak boleh. Apa salahnya kedua-dua pihak dibolehkan dengan discretion daripada Mahkamah Persekutuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Seksyen 74 (1) iaitu menolak segala rayuan ke Privy Council berkenaan dengan

finding of facts tetapi keadaan sekarang sudah sampai masanya untuk kita menghapuskan rayuan dalam apa kes sekalipun ke mahkamah rayuan itu kerana kita telah menghapuskan rayuan berkenaan dengan constitutional law dan juga criminal law maka sekarang kita menghapuskan berkenaan dengan factual grounds. Saya merayu kepada Kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan yang tegas supaya kita dapat tidak lama lagi menghapuskan semua rayuan ke Privy Council oleh kerana pada pendapat saya bahawa yang arif hakim-hakim di tanahair kita ini begitu arif kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain. Jadi sudah sampai masanya untuk kita menghapuskan supaya hanya rayuan boleh diadakan setakat Mahkamah Persekutuan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, seorang daripada rakan saya telah menyatakan bahawa pakaian di mahkamah patut diubah-suaikan. Saya tidak berapa beretuju berkenaan dengan mengubah-suaikan pakaian para hakim dan peguam di mahkamah kita. Setakat ini oleh kerana pakaian tidak menjejaskan keadilan yang telah dijalankan oleh para hakim dan peguam kita, jadi buat apa kita hendak hapuskan dengan serta merta. Kita boleh gunakan pakaian kebangsaan kita pada satu masa yang sesuai kelak, tetapi pada pendapat saya masanya belum sampai dan patut pakaian-pakaian yang dipakai oleh para yang arif hakim-hakim kita, Yang di-Pertua Mahkamah dan juga peguam, mesti dikekalkan setakat ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Panti.

5.40 *ptg.*

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Selaku Ahli dalam Dewan Rakyat ini saya juga ingin memberikan beberapa pendapat berkenaan dengan pindaan ini, walaupun saya bukan ahli dalam bidang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan saya yang lain, saya juga menyokong pindaan ini dan menyokong supaya tidak ada lagi rayuan-rayuan yang boleh dibuat kepada Privy Council kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka kita lihat negara-negara lain yang dahulunya pernah dijajah juga oleh penjajah-penjajah sama ada British atau lain-lainnya. Tetapi mereka berani, mereka lebih berani daripada kita memutuskan hubungan dengan negeri yang menjajah mereka. Sebaliknya, kita di Malaysia selepas 24 tahun kita merdeka dan berdaulat, tetapi masih lagi bergantung dengan United Kingdom sedangkan apa yang kita tahu, apa yang kita faham kita sudahpun mempunyai ibu undang-undang iaitu Parlimen, Parlimen ini adalah merupakan ibu segala undang-undang di dalam Mahkamah-mahkamah di Malaysia, mengapa kita mesti lagi bergantung kepada Privy Council.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga kalau dapat ditimbang oleh pihak Kerajaan akan meninggikan imej negara kita di mata dunia yang mana kita sudah boleh berdiri di atas kaki kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahasa, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Mahkamah Tinggi negeri Pahang yang saya difahamkan dalam sehari dua ini telah menjalankan perbicaraannya 100% di dalam Bahasa Malaysia dan saya harap apa yang telah dijalankan di Mahkamah Tinggi di Pahang akan menjadi contoh kepada mahkamah-mahkamah yang ada di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tidak ada golongan atau pihak yang sangsi tentang bolehnya bahasa kita dijadikan bahasa dalam mahkamah-mahkamah.

Saya ingin membawa perbandingan, Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini selain daripada mempunyai mahkamah-mahkamah, kita juga mempunyai mahkamah ataupun undang-undang syariah atau apa yang dikatakan Mahkamah Syariah. Kalau Undang-undang negara kita ini berpunca daripada British maka Undang-undang Mahkamah Syariah kita berpunca daripada Al-Quran dan Hadis di dalam bahasa Arab, tetapi perbandingan ini saya buat semenjak

Mahkamah Syariah ditubuhkan sehingga sekarang tidak pernah seorang Kadi pun atau lawyer agama berbicara di dalam bahasa Arab; semua sekali perbicaraan di dalam Bahasa Malaysia. Apakah Kerajaan tidak mengiktiraf selama ini. Jadi kalau Mahkamah Syariah kita boleh dijalankan 100% dengan Bahasa Malaysia, mengapa dalam mahkamah-mahkamah ini tidak boleh dijalankan di dalam Bahasa Malaysia? Jadi saya harap perkara ini benar-benar akan mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi oleh kerana agaknya kekurangan Yang Arif Hakim-hakim dalam negara kita ini maka tidak hairanlah banyak kes-kes yang terpaksa ditangguhkan atau terpaksa menunggu beberapa lama perbicaraan. Ini saya teringat satu kata falsafah yang lebih kurang bunyinya begini: Menunggu keputusan lebih dahsyat azabnya daripada menerima hukuman itu sendiri. Jadi, kenapa yang kita mesti menyiksa jiwa pesalah-pesalah itu terlalu lama kerana di dalam keadaan menunggu itu tersiksa sebenarnya jiwanya, lebih dahsyat lagi dan apabila dia sudah menerima keputusan itu agaknya lebih senang daripada dia menunggu begitu lama. Jadi, kita harap sebagai berperikemanusiaan kita menimbang juga walaupun dia pada akhirnya didapati salah, tetapi janganlah disiksa jiwanya lebih dahulu sebelum ia disiksa benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab kekurangan hakim-hakim kita agaknya sehingga masih terdapat di dalam Malaysia Barat ini dan saya tidak tahu di Malaysia Timur masih lagi terdapat daerah-daerah yang tidak ada seorang pun majistret. Umpamanya, dalam daerah saya Kota Tinggi apabila diadakan perbicaraan terpaksa meminjam majistret daripada Johor Bahru dan kadang-kadang kalaulah majistret itu mempunyai urusan yang lain terpaksa perbicaraan itu ditangguhkan. Jadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan kalau boleh pada masa-masa yang akan datang, tiap-tiap daerah hendaklah ditempatkan seorang majistret sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.46 ptg.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan kegunaan . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti!

**Tuan Lim Kit Siang:** Koram tidak cukup.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Koram tidak cukup, tolong duduk Yang Berhormat.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara berkenaan dengan kegunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Seperti setengah-setengah Ahli Yang Berhormat sudahpun mengetahui melalui akhbar-akhbar, satu arahan telah beberapa hari yang lalu dikeluarkan oleh pihak mahkamah supaya seberapa boleh Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan di dalam perbicaraan-perbicaraan. Dengan adanya arahan ini maka kita dapat banyak Presiden-presiden, banyak majistret-majistret dan juga peguam-peguam yang menggunakan Bahasa Kebangsaan di dalam perbicaraan-perbicaraan. Kita rasa gembira walaupun ada kesulitan dalam menggunakan Bahasa Malaysia ini oleh kerana kita masih kurang istilah-istilah perundangan namun begitu peguam-peguam dan majistret-majistret yang bukan Melayu cuba seberapa daya menggunakan bahasa Malaysia. saya sendiri suka mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah dan memberi kepujian kepada pegawai-pegawai mahkamah kita iaitu majistret-majistret,

Presiden dan lain-lainnya dan juga peguam-peguam yang bukan Melayu yang sungguh menunjukkan minat untuk menggunakan Bahasa Malaysia.

Mengenai dengan kursus ataupun kelas Bahasa Malaysia, saya sukalah menyatakan iaitu negara kita telahpun mencapai kemerdekaan semenjak 24 tahun yang lalu dan mereka yang berkenaan ini iaitu hakim-hakim, majistret, Presiden dan peguam-peguam adalah dijangka dapat menggunakan Bahasa Kebangsaan walaupun pada masa-masa yang tertentu dengan sedikit kesulitan. Saya berpendapat kesulitan ini akan dapat diatasi sambil kita berjalan. Bagaimanapun cadangan untuk diadakan kelas-kelas ataupun kursus itu dapatlah saya mengambil perhatian.

Beberapa orang Ahli-ahli yang Berhormat juga membangkitkan perkara kelambatan di dalam membicarakan kes-kes terutamanya kes jenayah termasuklah perkara-perkara mengenai dengan kemalangan di jalanraya. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini iaitu pihak mahkamah telah cuba seberapa daya mempercepatkan perbicaraan kes-kes yang termaklum itu, antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan menyudahkan procedure ataupun perjalanan perbicaraan, menambahkan majistret-majistret ataupun hakim-hakim dan juga bangunan-bangunan mahkamah dan lain-lain perkara lagi.

Untuk cadangan menambahkan lagi bilangan pegawai-pegawai mahkamah ini dan hakim-hakim, ini bolehlah diberi perhatian dari satu masa ke satu masa dan sekarang pun memanglah sudah ada peruntukan-peruntukan bagi menambahkan lagi bilangan majistret-majistret.

Begitu juga beberapa orang telah menimbulkan perkara memansuhkan ataupun membatalkan hak-hak appeal ke Privy Council, dan pandangan-pandangan yang diberi ialah hakim-hakim kita adalah orang-orang yang telah berpengalaman dan bijak dalam segi undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan bolehlah saya beri jaminan di sini iaitu pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang serius mengenai dengan perkara appeal ke Privy Council ini.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab satu persatu perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli Yang Berhormat dari Kulim—Bandar Bahru mencadangkan supaya Fakulti Undang-undang di universiti kita diperluaskan lagi. Perkara ini bolehlah saya bawa untuk perhatian pihak yang berkenaan. Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya lebih banyak bangunan-bangunan mahkamah didirikan di daerah-daerah. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita telah menambah banyak bilangan mahkamah-mahkamah di daerah-daerah. Bagaimanapun adalah diakui ada lagi daerah-daerah yang belum ada mahkamah dan perkara ini akan diberi perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman meminta supaya hakim-hakim dan majistret-majistret mengambil sikap yang tegas dalam soal penggunaan Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak hakim-hakim dan majistret-majistret mengambil sikap tegas dalam soal Bahasa Kebangsaan ini. Oleh kerana seperti saya sebut tadi ada kekurangan istilah-istilah perundangan maka kadangkala terpaksa juga bagi pihak hakim-hakim dan majistret-majistret ini menggunakan bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Malaysia. Kadangkala terpaksa dicampuraduk iaitu sebahagian bahasa Inggeris dan sebahagiannya dalam Bahasa Malaysia. Ini terutamanya dalam membaca satu-satu kes yang dirojokkan. Dalam bahasa Inggeris, decided cases, kes-kes yang telah diputuskan oleh kerana kes-kes yang telah diputuskan itu ataupun decided cases boleh dikatakan berada 100% dalam bahasa Inggeris sekarang ini. Begitu juga ada setengah-setengah undang-undang kita masih dalam bahasa Inggeris dan apakala pihak Hakim-hakim kita ataupun Majistret-majistret hendak merojokkan kepada undang-undang itu yang masih dalam bahasa Inggeris terpaksa juga dirojok dengan perkataan-perkataan Inggeris.

Selain daripada itu Hakim-hakim kita dan Majistret-majistret adalah tegas dalam menggunakan Bahasa Kebangsaan ini. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga mencadangkan supaya INTAN menganjurkan kursus bahasa kepada mereka

yang berkenaan termasuklah peguam-peguam swasta. Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi perhatian mengenai cadangan ini.

Berkenaan dengan pakaian, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini iaitu ada perbincangan sedikit sebanyak mengenai dengan pakaian bagi Hakim-hakim kita. Dan tentang kegunaan songkok seperti yang dicadangkan itu boleh saya mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta supaya perjalanan-perjalanan (procedures) di dalam mahkamah diperbaiki lagi, sebenarnya perjalanan di dalam mahkamah-mahkamah sentiasalah diperbaiki dari suatu masa ke suatu masa dengan pihak kita meminda undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada di negara kita sekarang ini. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta pihak Kerajaan menambahkan lagi peruntukan-peruntukan supaya mahkamah-mahkamah kita dapat dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang lebih baik. Dalam soal ini kalau kita tinjau buku estimate kita akan dapat lihat perbelanjaan sentiasa ditambah dengan banyaknya untuk melengkapi lagi mahkamah-mahkamah kita.

Berkenaan dengan cadangan untuk mengadakan Mahkamah Hak Asasi Manusia maka adalah didapati mahkamah seperti itu tidaklah mustahak sekarang ini. Mahkamah biasa yang ada sekarang ini boleh dengan baiknya mendengar kes-kes berkenaan dengan hak asasi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak menimbulkan berkenaan dengan peruntukkan 28(1) mengenai dengan appeal dan bertanya kenapa pihak Pendakwaraya dapat mengappealkan dengan secara berlainan daripada orang-orang lain. Tuan Yang di-Pertua, sebabnya keistimewaan itu diberi kepada pihak Pendakwaraya ialah oleh kerana didapati Pendakwaraya membawa perkara-perkara appeal yang mengenai dengan kepentingan awam.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya dalam setengah-setengah appeal tidak dibenarkan perkara yang mengenai dengan soal undang-undang ataupun question of law.

Perkara ini adalah mustahak dimasukkan di dalam undang-undang kita yang memberi hak kepada pihak yang mahu appeal supaya dapat appeal di atas soal question of law atau point undang-undang. Ini adalah semata-mata untuk menjaga keadilan. Sekiranya satu Mahkamah Rendah membuat kesilapan dalam soal question of law maka kalaulah tidak ada peruntukan yang membolehkan perkara itu diappeal ke Mahkamah yang lebih tinggi maka tidak dapat tidak keadilan tidak dapat dilakukan kepada pihak yang menanggung kerugian itu. Dengan adanya peruntukan ini maka dapatlah pihak yang tidak puas hati ataupun soal yang menjadi pokok kesilapan Mahkamah Rendah tadi diteliti balik oleh pihak Mahkamah yang lebih tinggi dan keputusan sewajarnya dibuat dalam perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga meminta supaya Mahkamah diadakan di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat, ini saya akan mengambil ingatan dan Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya . . .

**Dato Haji Yusof bin Malik Kuning:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri penjelasan, hendak benarkan?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Ya.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mahkamah sudah ada dalam daerah saya tetapi Majistretnya tidak ada.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Majistret ini, saya akan mengambil ingatan. Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya pihak Mahkamah lebih tegas dalam soal menggunakan bahasa oleh kerana katanya di Mahkamah-mahkamah Syariah juga Bahasa Kebangsaan digunakan dengan seluas-luasnya.

Ini adalah satu pandangan yang wajar. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya langkah-langkah yang lebih tegas lagi diambil untuk mencepatkan perbicaraan kes-kes. Mengenai perkara ini, saya juga telah memberi jawapan sekejap tadi.

Mengenai dengan perkara-perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya tidak beri jawapan di sini, saya akan beri perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### AKTA ACARA KEWANGAN TAHUN 1957

#### Penubuhan Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri

6.24 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Seksyen-kecil 4 (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan meminda Jadual Kedua kepada Akta tersebut dengan menambah butiran baru seperti berikut—

Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk menubuhkan Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri ialah bagi mengadakan satu cara yang membolehkan Kerajaan Pusat mengeluarkan wang pendahuluan kepada Kerajaan Negeri setelah didapati bahawa negeri-negeri yang

berkenaan benar-benar dalam keadaan kesempitan kewangan dan perlu diberi bantuan segera. Cara ini bukan sahaja akan memudahkan Kerajaan Pusat menolong Kerajaan-kerajaan Negeri menyelesaikan masalah-masalah kewangan mereka dengan kadar yang segera bahkan juga akan dapat dilaksanakan dengan kemas dan teratur.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hubungan kewangan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada peruntukan undang-undang yang tertentu. Sokongan kewangan yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah sangat penting bagi mempercepatkan tempoh pembangunan sesebuah negeri dan secara langsung berhubung rapat dengan pembangunan negara keseluruhannya. Selain daripada menerima pemberian (grant) dan serahan hasil tahunan yang biasa diberikan oleh Kerajaan Pusat, Perkara 109 (6) Perlembagaan juga memperuntukan penubuhan satu tabung yang diberi nama "Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri (State Reserve Fund)". Pemberian wang dari tabung ini digunakan untuk membantu negeri-negeri yang kekurangan wang di dalam perbelanjaan mengurus selepas mendapat kelulusan dari Majlis Kewangan Negara. Oleh kerana bantuan kewangan yang segera tidak dapat dibuat dari Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri, wang pendahuluan diberi dari Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka (Contingencies Fund) sebagai langkah sementara bagi membantu negeri-negeri yang mengalami kesempitan wang. Bagaimanapun, pengeluaran wang pendahuluan ini juga didapati tidak sesuai kerana pendahuluan yang dibuat itu adalah untuk sementara waktu sahaja dan akan diselaraskan dari mana-mana sumber peruntukan yang telah ditentukan, termasuklah dari peruntukan Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri. Untuk mengatasi masalah-masalah ini, maka Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri perlu diwujudkan.

Kepentingan mewujudkan Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri dijangka bertambah mendesak di tahun-tahun yang akan datang, kerana tempoh pembangunan yang semakin bertambah pesat bagi tiap-tiap negeri di

samping kenaikan perbelanjaan gaji berikutan dari pelaksanaan tanggungjawab Kabinet, dengan demikian perbelanjaan mengurus negeri-negeri akan bertambah besar. Sebagai permulaan peruntukan sebanyak \$50 juta bagi mewujudkan Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri dijangkakan mencukupi bagi menyelesaikan masalah-masalah kesempitan kewangan negeri-negeri dengan cara yang teratur dan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang usul ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Matang.

6.22 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, iaitu mengenai Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri.

Pada masa Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan perkara ini dan menyebut hanya sebanyak \$50 juta sahaja untuk bantuan kepada negeri-negeri yang sebanyak 13 buah ini, saya percaya peringkat manapun tidak mencukupi dan dianggap terlalu sedikit sangat untuk diberi bantuan kepada negeri-negeri. Sebabnya saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa ini di mana-mana negeri pun dalam Malaysia ini tersangat perlu kepada kemudahan-kemudahan asas bagi rakyat di seluruh negara, khasnya di luar-luar bandar.

Misalnya saya suka memberi contoh kepada pihak Kerajaan, iaitu Negeri Perak. Negeri ini ialah salah sebuah negeri yang besar di dalam negara ini, oleh kerana ia salah sebuah negeri yang besar, sebahagian besar terdiri daripada kawasan luar bandar; Ipoh, Taiping, bolehlah dianggap hanya 2 bandar sahaja yang ada di dalam Negeri Perak. Kalau disebut lain; Parit Buntar, Telok Anson, Parit dan sebagainya ia

tidak dianggap sebagai bandar dalam negeri ini, selalunya disebut luar bandar. Oleh kerana luar bandar ini sering kali disebut kawasan-kawasan yang perlu diberi kemudahan asas untuk membangunkan kawasan-kawasan ini sepertimana kawasan-kawasan lain juga yang wujud di dalam negara ini. Sebagai contoh yang saya sebutkan tadi memberi gambaran kepada Kerajaan, di dalam Negeri Perak yang luas ini tersangat memerlukan kemudahan asas yang masih ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain sungguhpun ia berada di dalam kawasan barat di dalam Malaysia ini. Jika dibandingkan dengan Pulau Pinang misalnya, Perak boleh dianggap ketinggalan dan jika dibandingkan dengan Negeri Perlis, sebuah negeri yang ada di utara, boleh dianggap Perak ialah sebuah negeri yang ketinggalan juga kerana sebahagian besar kawasan-kawasan di luar bandar ini masih belum sampai bekalan elektrik, masih belum sampai bekalan paip air yang diperlukan, masih belum wujud jalan-jalan tar untuk di kampung-kampung atau di luar bandar untuk diberi kemudahan kepada rakyat dan banyak lagi jika disebut satu persatu di dalam negeri tersebut. Jika sekiranya \$50 juta ini ditanya kepada mana-mana pihak ataupun dituju kepada kami keseluruhannya saya anggap \$50 juta ini sesuai di dalam Negeri Perak itu sahaja untuk melaksanakan pembangunan.

Jadi ertinya, Tuan Yang di-Pertua, \$50 juta yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ataupun Kerajaan ini tersangat sedikit untuk dibangunkan kawasan-kawasan yang sepertimana dikatakan tadi yang sangat diperlukan oleh Kerajaan Negeri, baik ia Kerajaan Negeri Perak ataupun Kerajaan Negeri Sembilan misalnya. Oleh sebab itu pada pandangan saya maka perlulah Kerajaan Pusat mengkaji semula cara memberi peruntukan yang seperti ini supaya ia dapat menseimbangkan mengikut keperluan di negeri-negeri di dalam Malaysia ini. Kadang-kadang ada juga tersebut negeri-negeri yang masih mundur biasanya disebut Negeri Kelantan, Trengganu, Perlis, Kedah begitu sahaja, Perak menjadi ketinggalan. Tetapi jika dikaji satu persatu, dikaji pada keseluruhannya Perak ialah salah sebuah negeri yang terbesar yang memerlukan peruntukan yang besar bagi

bantuan kepada negeri tersebut untuk melaksanakan kemudahan-kemudahan asas di dalam negeri yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada ini, saya percaya \$50 juta ini peringkat permulaan pada anggapan saya, jika sekiranya ada negeri-negeri di dalam Malaysia ini memandangi perlu untuk memohon kepada satu angka yang lebih, patut sangatlah dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya ia dapat diselenggarakan bagi semua negeri-negeri di dalam negara kita ini. Mudah-mudahan dengan peraturan ataupun perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini dapat ia diterima dengan baik oleh negeri-negeri, di samping Kerajaan dapat mempertimbangkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat bagi membantu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.28 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang saya fikir sudah sangat tepat masanya untuk diwujudkan satu Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan untuk Negeri di bawah Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di bawah Akta Acara Kewangan, Tahun 1957.

Saya memang bersetuju dengan pendapat dari rakan saya dari Matang bahawa satu jumlah yang berjumlah sebanyak \$50 juta ini untuk Tabung Pusingan bagi pembangunan 13 negeri ini nampaknya adalah sangat-sangat jauh daripada mencukupi. Memandangkan beberapa kes yang berlaku di negeri-negeri yang boleh dianggap sangat tertinggal dan miskin seperti Negeri Melaka, kalaulah hampir \$50 juta ini saya fikir mungkin adalah cukup untuk pembangunan Negeri Melaka sebagai Emergency Development Fund, tetapi untuk ke 13 negeri yang ada di negara kita ini nampaknya jumlah Tabung Pusingan Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri ini adalah tidak mencukupi. Oleh sebab itu saya adalah merayu supaya Kementerian Kewangan boleh mempertimbangkan semula

jumlah Tabung Pusingan ini bolehlah ditambahkan sebanyak \$100 juta untuk peringkat permulaannya.

Tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah saya akan menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang masalah kerumitan kewangan yang dialami di Negeri Melaka. Satu contoh yang baik, umpamanya Negeri Melaka sebagai negeri yang begitu kecil dan miskin daripada kekayaan alam semula jadinya hanya untuk kawasan Majlis Perbandaran Melaka Tengah (MPMT) sahaja sangat-sangat memerlukan sekurang-kurangnya \$5 juta untuk satu projek . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi hendak berucap?

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya, panjang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau begitu, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Jumaat, 16hb Oktober, 1981 pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*